
PARLIMEN MALAYSIA



MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEDUABELAS
2009

JAWAPAN-JAWAPAN PERTANYAAN JAWAB LISAN HARIAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DALAM DEWAN RAKYAT DARIPADA KEMENTERIAN

HARI SELASA: 10 MARCH 2009

CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA.
Sidek/jwp.09

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN

(SOALAN NO. 2, 4, 15 HINGGA 72)

NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1, 3, 5 HINGGA 14

[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

SOALAN: NO. 2

SIDANG DEWAN RAKYAT

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL PERTAMA,

PARLIMEN KEDUA BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI

(GOMBAK)

TARIKH : 10 MAC 2009

Minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan:

a) apakah bidang-bidang yang menjadi pilihan dalam pemberian geran bantuan kewangan kepada penyelidik akademik tempatan dan terangkan kenapa bidang-bidang tersebut menjadi pilihan;

b) apakah pencapaian yang dicapai oleh penyelidik tempatan yang boleh dibanggakan yang diiktiraf di peringkat antarabangsa dan apakah bentuk bantuan dan usaha untuk mengkomersialkannya.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi bertanggungjawab dalam merencanakan kajian penyelidikan dan inovasi teknologi baru dalam memastikan Misi Nasional negara mencapai matlamatnya. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe9), teras pembangunan adalah fokus kepada memanfaatkan sains, teknologi dan inovasi (STI) sebagai pemacu utama dalam meningkatkan keupayaan negara, memperoleh dan menggunakan pengetahuan serta menggalakkan inovasi. Keutamaan akan diberikan kepada penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang berorientasikan pasaran dan meningkatkan kadar pengkomersilan hasil R&D.

Bagi menjawab soalan (A), bidang-bidang keutamaan yang menjadi pilihan dalam pemberian geran di bawah Kementerian ini adalah berdasarkan kepada lima (5) klaster iaitu Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT), Bioteknologi, Industri, *Sea to Space* dan Teras Sains dan Teknologi. Walau bagaimanapun pada masa ini, tumpuan lebih diberikan kepada aktiviti-aktiviti R&D&C yang menjurus kepada sumber tenaga diperbaharui dan tenaga alternatif, teknologi penghasilan dan pemprosesan makanan, bioinformatik, teknologi-teknologi baru yang boleh meningkatkan produktiviti dan aktiviti-aktiviti penyelidikan yang bersaiz kecil tetapi mempunyai impak yang besar dan kesan langsung kepada pembangunan komuniti.

Pemilihan bidang-bidang berkenaan adalah selaras dengan perkembangan bidang STI antarabangsa disamping dengan isu-isu semasa yang dihadapi oleh negara pada masa ini.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi menjawab soalan (B), kejayaan penyelidik tempatan boleh dilihat dari segi bilangan penerbitan saintifik, pendaftaran harta intelek (IP), pembangunan modal insan dan pengiktirafan dalam bentuk anugerah di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Seperti diketahui umum, aktiviti R&D biasanya mengambil masa yang agak lama untuk melihat hasilnya. Sebagai contoh, melalui dana R&D MOSTI bagi tempoh lima tahun lepas sebanyak 610 IP telah difailkan, 4,594 penerbitan telah dihasilkan, seramai 639 graduan PhD dan 1,704 graduan di peringkat sarjana telah dihasilkan manakala sebanyak 431 anugerah di peringkat Kebangsaan telah diperolehi. Di peringkat antarabangsa, sebanyak 262 penerbitan saintifik dalam jurnal antarabangsa telah diterbitkan dan sebanyak 21 anugerah telah diperolehi oleh penyelidik-penyelidik tempatan.

Dalam usaha untuk membantu dan meningkatkan aktiviti pengkomersilan hasil-hasil penyelidikan, Kementerian menyediakan kemudahan dan bimbingan melalui pelbagai dana. Antaranya adalah dana pengkomersilan iaitu *Commercialisation of R&D Fund* (CRDF) (RM 115 juta) dan *Technology Acquisition Fund* (TAF)(RM 100 juta) yang dikendalikan oleh Malaysian Technology Development Corporation (MTDC) bagi membiayai aktiviti-aktiviti pengkomersilan hasil R&D dan perolehan teknologi ke arah pengeluaran produk R&D. Bagi memantapkan lagi usaha pengkomersilan hasil-hasil penyelidikan ini, Kerajaan juga telah mengambil beberapa inisiatif berikut:-

(i) merangka satu garis panduan yang komprihensif mengenai pengkomersilan.

(ii) memperkukuhkan prasarana pengkomersilan dengan menyediakan lebih banyak *platform* pemadanan perniagaan (*business-matching*);

(iii) menyediakan pakar-pakar dan prasarana khusus bagi memberi khidmat nasihat serta tunjuk ajar mengenai kaedah-kaedah pengkomersilan;

(iv) menyediakan peruntukkan bagi universiti dan institusi penyelidikan menjalankan aktiviti-aktiviti R&D &C;

(v) meningkatkan kerjasama dengan MyIPO untuk mencari jalan penyelesaian yang terbaik dalam menambah bilangan harta intelek negara;

(vi) menubuhkan Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) sebagai penggerak utama kepada peningkatan budaya reka cipta/inovasi di peringkat akar umbi;

(vii) meningkatkan budaya inovasi melalui portal "Innoxchange" sebagai perantara bagi perkongsian idea yang menghubungkan komuniti, penyelidik dan pengurus dana; dan

(viii) meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan pengkomersilan. Untuk tujuan ini MOSTI melalui agensinya, MTDC, telah menganjurkan *satu reality show* di bawah program Winners di TV3. Ia memaparkan produk-produk R&D yang berjaya dikomersilkan di bawah dana MOSTI, iaitu Dana Pengkomersilan Penyelidikan dan Pembangunan (CRDF).

No. Soalan: ~~7~~ 4

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT**
TARIKH	:	**10 MAC 2009**

DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT [Hulu Langat] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan adakah Kementerian berhasrat menambah Bank Kerjasama Koperasi seperti Bank Rakyat dalam usaha membantu Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dalam menyediakan Tabung Modal Pusingan bagi menggerakkan Koperasi dalam negara kita.

JAWAPAN

Tuan Yang diPertua,

Kementerian memang berhasrat untuk menambah Bank Kerjasama Koperasi seperti Bank Rakyat bagi menggerakkan koperasi dalam negara kita. Penambahan Bank Kerjasama Koperasi adalah selaras dengan strategi mempertingkatkan sumber modal untuk membolehkan koperasi bersaing dan menghadapi persaingan seperti yang digariskan dalam salah satu strategi Dasar Koperasi Negara.

Sumber-sumber dalam gerakan koperasi akan digembleng untuk menambah baik kebolehan koperasi sebagai sumber pembiayaan alternatif.

Buat masa ini Kementerian sedang mengenalpasti identiti koperasi yang mampu memenuhi kriteria untuk menjadi sebuah bank koperasi dengan semua kemudahan perbankan. Pada masa yang sama Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) sedang menyediakan Garis Panduan Bank Koperasi untuk dipatuhi.

Bank Koperasi yang diwujud akan berperanan menyediakan kemudahan pembiayaan untuk gerakan koperasi termasuk kemudahan kredit mikro selain mengurus pelaburan wang berlebihan koperasi Bank Koperasi yang baru ini juga akan menguruskan dan menyelenggara dua jenis dana koperasi iaitu *Central Liquidity Fund (CLF)* dan *Co-operative Deposit Account (CDA)* yang diwujudkan untuk memelihara kestabilan sektor koperasi.

Kriteria yang perlu dipenuhi untuk menjadi sebuah bank koperasi ialah:

i. Keperluan modal
ii. Pasukan pengurusan/tadbir urus
iii. Sistem operasi
iv. Pelan perniagaan/peranan yang akan dimainkan
v. Keperluan kecairan

Buat masa ini terdapat dua koperasi yang menjalankan aktiviti perbankan iaitu Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad dan Koperasi Bank Persatuan Malaysia Berhad (walaupun tidak diiktiraf sebagai sebuah bank oleh Bank Negara Malaysia).

SOALAN NO: 15

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK SERI DR. FONG CHAN ONN
[ALOR GAJAH]

TARIKH : SELASA, 10 MAC 2009

RUJUKAN : 15

SOALAN :

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan sehingga tahap mana rancangan DBKL untuk menjadikan Kuala Lumpur satu *'wireless city'* kerana terdapat banyak aduan bahawa perkhidmatan Internet oleh KL Wireless adalah sangat lembap.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Alor Gajah, Wireless@KL merupakan projek usahasama di antara Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) yang memberi tumpuan dalam pembangunan dan penyediaan perkhidmatan mudah alih berasaskan teknologi WiMAX. Pembangunan Wireless@KL Fasa 1 melibatkan pemasangan 1,500 unit Akses Point (zon Wi-Fi) di sekitar Bandar Raya Kuala Lumpur merangkumi pusat-pusat komersial, kawasan Perumahan Awam DBKL, pusat-pusat komuniti DBKL serta kawasan-kawasan awam.

Pembangunan Wireless@KL Fasa 1 akan siap sepenuhnya pada **15 April 2009** dan secara keseluruhan ianya adalah mengikut perancangan. Sehingga kini, 80 peratus kerja-kerja pembangunan selesai dilaksanakan melibatkan pemasangan WiMAX di 12 lokasi dan 999 unit Akses Point. Daripada jumlah tersebut, 762 Akses Point telah diaktifkan meliputi kawasan-kawasan seperti Setapak, Sentul, Gombak, sekitar KLCC, Bangsar, Cheras, Kepong, Wangsa Maju serta sebahagian besar kawasan Perumahan Awam DBKL. Sehingga 29 Januari 2009, Wireless@KL mempunyai 110,757 pengguna berdaftar.

Aduan bahawa isyarat perkhidmatan Wireless@KL kadangkala kurang konsisten mungkin adalah kerana Wireless@KL yang masih di dalam fasa pengujian dan Akses Point belum diaktifkan sepenuhnya. Walau bagaimanapun, bagi lokasi di mana Akses Point telah diaktifkan sepenuhnya, ianya tidak menerima gangguan isyarat dan akan menerima kemudahan Internet pada kelajuan 512 kbps.

NO: 16

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**BAGI JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**Tuan Loke Siew Fook [Rasah]**
TARIKH	:	**10 Mac 2009 (Selasa)**
SOALAN	:	**16**

Tuan Loke Siew Fook [Rasah] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah 10 tindakan spesifik yang telah diambil oleh pihak Kementerian untuk menambah baik sistem pengangkutan Negara dalam masa 12 bulan yang lalu dan apakah status terkini Suruhanjaya Pengangkutan Awam.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman YB. Rasah dan ahli Dewan yang mulia ini, Kementerian Pengangkutan sentiasa melaksanakan pelbagai program dan projek ke arah meningkatkan sistem pengangkutan Negara. Rancangan Kementerian ini adalah tidak terhad kepada 10 program tertentu sahaja sebaliknya merupakan usaha yang berterusan bagi mencapai matlamat dan hasrat Kerajaan untuk mewujudkan satu sistem pengangkutan yang menyeluruh serta cekap dan efisyen. Walau

bagaimanapun, bagi menjawab pertanyaan YB. Rasah, 10 tindakan spesifik dalam masa 12 bulan yang lalu yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Pengangkutan dalam sektor pengangkutan Negara adalah :-

1. **Pelaksanaan Projek Terminal Pengangkutan Bersepadu (*Integrated Transport Terminal*)**; (dengan izin), di **Bandar Tasik Selatan** yang berharga RM 570 juta bagi menggantikan Terminal Pudu Raya untuk semua operasi bas/teksi antara bandar yang beroperasi ke sektor selatan iaitu Negeri Sembilan, Johor, Melaka dan Singapura. Projek ini dijangka siap pada penghujung tahun 2010.

2. Yang kedua adalah **Projek Landasan Berkembar Elektrik, Ipoh - Padang Besar** yang telah dilancarkan pada 8 Januari 2008 dan dijangka akan disiapkan pada tahun 2013.

3. Projek yang ketiga pula adalah **Projek Landasan Berkembar Elektrik, Seremban-Gemas** yang telah dilancarkan pada 18 Januari 2008 dan dijangka akan disiapkan pada tahun 2012.

4. Seterusnya adalah **Perolehan 35 Set Tren bagi Aliran Kelana Jaya** yang telah dilaksanakan dan dijangka beroperasi sepenuhnya pada awal tahun 2010, dengan kos 1.3 bilion ringgit.

5. Tindakan yang seterusnya adalah **Pengambilalihan Monorel Daripada Syarikat KL *Monorail System* (KLMS)** di mana Kerajaan melalui Kementerian Pengangkutan telah mengambil alih aset dan operasi KL Monorel daripada sektor swasta. Berikutan

langkah penambahbaikan ini, jumlah penumpang telah meningkat lebih 10%, iaitu daripada 51,000 penumpang sehari kepada lebih 57,000 penumpang sehari.

6. **Projek Menaik Taraf Lapangan Terbang Batu Berendam,** Melaka yang melibatkan kos sebanyak RM131.5 juta dan dijangka siap pada April 2009.

7. **Projek Menaik Taraf Lapangan Terbang Labuan** untuk menampung oprasi pesawat A330 yang melibatkan kos kontrak sebanyak RM365 juta dan dijangka siap pada bulan April 2009.

8. **Projek Menaik Taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu** untuk menampung 10 juta penumpang setahun yang melibatkan kos kontrak sebanyak RM1.5 billion dan dijangka siap pada bulan Disember 2009.

9. **Peruntukan sebanyak RM 7.6 billion di bawah RMK 9 bagi projek-projek untuk meningkatkan keupayaan Kereta Api Tanah Melayu Berhad (KTMB).**

10. **Peruntukan sebanyak RM 794 juta di bawah RMK 9 bagi projek-projek di bawah Jabatan Laut Semenanjung Malaysia.**

Tuan Yang Di Pertua,

Seterusnya saya ingin merujuk kepada pertanyaan YB Rasah mengenai status terkini Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD).

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan telah memutuskan untuk menubuhkan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) sebagai langkah strategik ke arah menambahbaik sistem pengangkutan awam darat dengan antara lain meningkatkan *reliability*; (dengan izin), dan keselamatan pengguna serta mengurangkan pertindihan kuasa agensi-agensi yang terlibat.

Pada masa ini, Kerajaan sedang mengkaji skop, objektif, struktur organisasi, keperluan guna tenaga, pembiayaan, pelan pelaksanaan dan penggubalan rang undang-undang bagi SPAD. Kajian tersebut kini di peringkat draf laporan akhir.

Sekian, terima kasih.

Soalan No: 17

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEDUA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN AARON AGO ANAK DAGANG (KANOWIT)

TARIKH : 10.03.2009

SOALAN :

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah** menyatakan peruntukan yang telah diberi dan kejayaan yang telah dicapai bagi pembekalan elektrik dan air dan pembinaan jalan luar bandar mengikut kawasan Parlimen di Sarawak semenjak tahun 2004.

JAWAPAN:

Untuk makluman Yang Berhormat, sejumlah RM328.79 juta telah disediakan sejak tahun 2004 bagi melaksanakan projek Bekalan Elektrik Luar Bandar(BELB) di negeri Sarawak. Setakat ini sebanyak 404 projek telah disiap dilaksanakan dan memberi manfaat bekalan elektrik 24 jam kepada 18,561 buah rumah di seluruh negeroi Sarawak.

Kerajaan juga telah memperuntukkan sejumlah RM291.06 juta untuk pembinaan jalan luar bandar di negeri Sarawak sejak tahun 2004. Setakat ini sepanjang 45.61 km dan lima (5) unit jambatan telah pun disiapkan.

Bagi bekalan air pula, sejumlah RM468.86 juta telah diperuntukkan untuk melaksanakan 335 projek sejak tahun 2004 di negeri Sarawak. Projek-projek ini telah pun siap dan telah memberi manfaat kepada 21,351 buah rumah.

Soalan No: 18

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEDUA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. PUAN CHONG ENG
(BUKIT MERTAJAM)

TARIKH : 10.03.2009

SOALAN :

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah** menyatakan dasar dan program Kerajaan untuk memajukan kaum Orang Asli dan meningkat taraf kehidupan rakyat yang paling miskin tidak kira kaum dan agama. Nyatakan bilangan rakyat miskin tegar dan usaha Kerajaan untuk membantu mereka.

JAWAPAN:

Untuk makluman Yang Berhormat, dasar pembangunan yang dilaksanakan oleh Kementerian menerusi Jabatan Hal Ehwal Orang Asli(JHEOA) terhadap masyarakat Orang Asli adalah membangunkan kawasan pedalaman dan terpencil dengan kemudahan prasarana yang lengkap, meningkatkan keselesaan dan taraf hidup mereka.

Sehingga Disember 2008, terdapat 8808 Ketua Isi Rumah(KIR) miskin tegar Orang Asli. Langkah-langkah yang di ambil bagi membantu masyarakat Orang Asli ini adalah menerusi projek pembangunan tanah dengan tanaman komersial seperti getah dan kelapa sawit, ternakan lembu dan kambing, projek tanaman kontan, bantuan input pertanian, pembinaan ruang niaga, program bimbingan usahawan dan lain-lain.

Selain itu, tumpuan juga diberikan kepada program pembangunan modal insan menerusi penyediaan dan kemudahan pendidikan di peringkat prasekolah, sekolah rendah,menengah

dan peringkat tertiari, kursus pembangunan minda serta latihan kemahiran yang sesuai dengan keperluan pasaran pekerjaan.

Usaha ini bertujuan untuk melahirkan anak-anak Orang Asli yang berilmu pengetahuan, mempunyai jati diri dan mampu membebaskan diri daripada belenggu kemiskinan.

Soalan No : 19

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**Y.B. DATUK ROSNAH BINTI ABDUL RASHID SHIRLIN (PAPAR)**
TARIKH	:	**10.03.2009**

SOALAN:

Y.B. DATUK ROSNAH BINTI ABDUL RASHID SHIRLIN [PAPAR] minta Menteri Pelajaran menyatakan langkah-langkah Kementerian untuk mengatasi kepadatan pelajar di SK Pekan Kinarut, Papar.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) amat perihatin terhadap masalah kepadatan murid yang berlaku di beberapa buah sekolah di seluruh negara termasuklah yang dihadapi oleh SK Pekan Kinarut, Papar. Sehubungan itu, sebagai langkah jangka pendek bagi SK Pekan Kinarut, KPM telah meluluskan projek bagi penambahan bilik darjah dengan menggunakan kaedah kabin. Di samping itu juga, sebagai langkah jangka panjang KPM telah menyenaraikan permohonan projek gantian penuh untuk SK Pekan Kinarut yang meliputi 18 bilik darjah dan lain-lain kemudahan dalam RMKe-9. Walau bagaimanapun, pelaksanaan projek tersebut adalah bergantung kepada keutamaan dan prestasi semasa kewangan kerajaan.

SOALAN NO: 20

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN NEGARA, MALAYSIA

DARIPADA : DR.LEE BOON CHYE (GOPENG)

PERTANYAAN : MULUT

TARIKH : 10.03.2009

Dr. Lee Boon Chye (Gopeng) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan senarai dan nilai harta Kerajaan Persekutuan yang akan dijual untuk mengurangkan defisit bajet, seperti mana yang dinyatakan oleh Menteri Kewangan dalam temu duga di majalah The Edge pada bulan Januari 2009.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pada 19 Disember 2008, Kerajaan telah memutuskan supaya tanah-tanah Kerajaan di kawasan tertentu dijual pada harga pasaran kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk dibangunkan secara komersial bagi menjana sumber kewangan tambahan Kerajaan. Tanah di Jalan Cochrane dan Jalan Ampang di Kuala Lumpur boleh dijual pada peringkat permulaan. Pada ketika ini pihak Kementerian Kewangan masih lagi berunding dengan pihak KWSP mengenai dengan penetapan harga tanah berkenaan.

SOALAN N0. 21

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : Y.B TUAN LIANG TECK MENG

(SIMPANG RENGGAM)

TARIKH : 10 MAC 2009 (SELASA)

SOALAN :

Y.B Tuan Liang Teck Meng (Simpang Renggam) minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah pesakit mental dikategorikan sebagai OKU dan usaha-usaha yang boleh dilakukan bagi membantu keluarga yang terdapat dalam kalangan ahli keluarganya mengalami masalah mental.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, pesakit mental masih belum dikategorikan sebagai orang kurang upaya (OKU). Walau bagaimanapun, berdasarkan Akta

Orang Kurang Upaya 2008 [*Akta 685*], definisi "orang kurang upaya" (OKU) termasuklah mereka yang mempunyai **kekurangan jangka panjang** fizikal, **mental**, intelektual atau deria yang apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan, boleh menyekat penyertaan penuh dan berkesan mereka dalam masyarakat.

Sehubungan itu, Kementerian ini sedang mengambil langkah bagi mengkategorikan semula OKU supaya pesakit mental dimasukkan sebagai salah satu kategori OKU. Walau bagaimanapun, pertimbangan terhadap perkara ini perlu dibuat dengan teliti memandangkan isu berhubung penyakit mental ini turut melibatkan bidang kuasa Kementerian Kesihatan Malaysia iaitu di bawah Akta Kesihatan Mental 2001.

Sekiranya Kerajaan meluluskan pesakit mental sebagai salah satu kategori OKU, maka mereka yang layak dan memenuhi syarat boleh dipertimbangkan untuk menikmati segala bantuan dan kemudahan yang diberikan kepada golongan OKU yang lain melalui bantuan kebajikan yang disediakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat seperti berikut :-

(i) Elaun Pekerja Cacat (EPC) sebanyak RM300 seorang sebulan kepada OKU yang bekerja dengan pendapatan tidak melebihi RM1,200 sebulan;

(ii) Bantuan kepada OKU yang Tidak Berupaya Bekerja sebanyak RM150 seorang sebulan;

(iii) Bantuan Kepada Penjaga OKU Terlantar berjumlah RM300 seorang sebulan; dan

(iv) Elaun kepada OKU yang menyertai program Pusat Pemulihan Dalam Komuniti sebanyak RM150 seorang sebulan.

Bantuan kebajikan yang disediakan oleh pihak Kerajaan bukan sahaja membantu seseorang OKU malah secara tidak langsung membantu keluarga mereka dalam mengurangkan beban kos sara hidup yang ditanggung.

No. Soalan : 22

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' RASHID BIN DIN [MERBOK]

TARIKH : 10 MAC 2009 (Selasa)

SOALAN :

Dato' Rashid bin Din [Merbok] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:-

(a) bagaimana tahap pencapaian pelaksanaan Indeks Prestasi Utama (KPI) bagi Ketua Setiausaha atau Ketua Pengarah Kementerian (rujuk jawapan 7 Julai 2008); dan

(b) adakah ia menunjukkan peningkatan prestasi kerja di Kementerian yang telah melaksanakan sistem ini. Berikan fakta terperinci untuk Kementerian yang telah melaksanakan sistem ini. (masa untuk memperbaharui MyKad telah turun daripada 6 bulan pada tahun 2000 ke satu minggu pada tahun 2008).

JAWAPAN : YB. DATO' MOHD. JOHARI BIN BAHARUM

Tuan Yang di-Pertua,

Cadangan pelaksanaan budaya berprestasi tinggi berasaskan KPI untuk Perkhidmatan Awam telah dibangkitkan oleh YAB Perdana Menteri semasa

Ucapan Bajet 2008. Sehingga kini, KPI untuk jawatan-jawatan utama terpilih sektor awam iaitu Ketua Setiausaha Kementerian, Ketua Perkhidmatan dan Ketua Pengarah untuk beberapa agensi pusat telah siap dibangunkan. Proses penilaian ke atas pencapaian sasaran prestasi untuk tahun 2008 sedang dibuat memandangkan KPI serta sasaran prestasi yang dibangunkan adalah untuk tahun 2008.

SOALAN NO. ~~1569~~ 23

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI (BATANG SADONG)

TARIKH : 10 MAC 2009

RUJUKAN : 1569

SOALAN:

Puan Hajah Nancy binti Haji Shukri [Batang Sadong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bagaimanakah Kementerian memastikan al-Quran dan dokumen rujukan keagamaan Islam lain yang dijual di pasaran terpelihara daripada sebarang kesilapan dan kesalahan terutama sekali dari segi proses pencetakan dan penerbitan ayat-ayat al-Quran sama ada di dalam dan di luar negara.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Batang Sadong yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Dalam Negeri (KDN) adalah Kementerian yang bertanggungjawab bagi pengawalseliaan sebarang perkara yang berhubung ayat-ayat al-Quran sebagaimana yang telah diperuntukkan di bawah Akta Pencetakan Teks Al-Quran (APTQ) 1986.

Berdasarkan kepada peruntukan yang ada mana-mana pihak yang ingin mencetak, menerbit dan mengimport teks al-Quran hendaklah terlebih dahulu mengemukakan permohonan kepada Lembaga Pengawalan dan Pelesenan Pencetakan Al-Quran (LPPPQ), KDN. Keanggotaan Lembaga adalah dari kalangan mereka yang dilantik di bawah perkenan Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong atau Raja bagi negeri masing-masing yang kebanyakannya adalah terdiri dari Ashabus Samahah Mufti-mufti Negeri.

Setiap teks al-Quran yang dikemukakan akan terlebih dahulu disemak oleh Ahli Jawatankuasa Penyemakan dan Penilaian Teks Al-Quran, KDN yang terdiri dari kalangan para huffaz seramai 35 orang yang mewakili setiap negeri yang dilantik oleh LPPPQ.

Pihak KDN juga melaksanakan aktiviti naziran dan penguatkuasaan di mana melalui aktiviti ini, khidmat nasihat dan penjelasan akan

diberikan. Walau bagaimanapun keengganan pihak-pihak yang berkenaan untuk mematuhi APTQ 1986 setelah nasihat dan amaran dikeluarkan akan dikenakan tindakan pendakwaan di bawah APTQ sekiranya cukup bukti.

Selain itu, pihak KDN turut mengadakan sesi penerangan dan dialog kepada para pencetak, penerbit, pengimport, penjual dan pengedar al-Quran di seluruh negara bagi memberi pendedahan berkenaan APTQ 1986 dan Peraturan Pencetakan Teks Al-Quran 1986.

Walau bagaimanapun bagi bahan penerbitan berunsur keagamaan Islam selain teks al-Quran adalah di bawah tanggungjawab Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan tertakluk kepada Garis Panduan Penapisan Buku Bahan-bahan Penerbitan yang dikeluarkan oleh pihak JAKIM.

Untuk makluman Tuan Yang DiPertua,

Sebagai makluman tambahan, sehingga tahun 2009, KDN telah mengeluarkan sebanyak 38 Lesen Mencetak/ Menerbit Teks Al-Quran dan telah memberikan kelulusan sebanyak 187 Perakuan Betul Pruf Akhir teks al-Quran pelbagai format iaitu mashaf, cd, digital dan telefon bimbit.

Bagi tahun 2008, sebanyak 7 kes pendakwaan di bawah peruntukan di bawah Akta pencetakan Teks Al-Quran 1986, ke atas pemilik premis-premis perniagaan telah dikenakan yang melibatkan kesalahan pengedaran teks al-Quran yang tidak mendapat kelulusan

Lembaga Pengawalan dan Pelesenan Pencetakan Al-Quran, Kementerian Dalam Negeri.

SOALAN NO: 24

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN GWO-BURNE LOH [KELANA JAYA]

TARIKH : 10 MAC 2009

RUJUKAN : 1568

SOALAN :

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengapa tiada pihak yang mengambil tindakan atas laporan polis yang dibuat oleh Sharmila Turaisingam pada 12 Januari 2008 dan pengakuan bersumpahnya yang mana bercanggah dengan penerangan SPR melalui Jawapan Lisan Parlimen pada 16 Oktober 2008.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Kelana Jaya yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, pihak polis telah memajukan laporan tersebut kepada Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM) untuk siasatan dan tindakan selanjutnya. Kes tersebut masih dalam siasatan SPRM dan terpulang kepada SPRM untuk mengambil tindakan bergantung kepada hasil siasatan mereka.

SOALAN NO. 25

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**Y.B. PUAN TAN AH ENG**
KAWASAN	:	**GELANG PATAH**
TARIKH	:	**10.03.2009 (SELASA)**

Y.B. PUAN TAN AH ENG (GELANG PATAH) minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan :-

(a) **langkah-langkah untuk menurunkan bayaran bil elektrik; dan**

(b) **adakah mengadakan promosi bagi pelabur luar dan peniaga tempatan menjelang krisis ekonomi meleset sedunia.**

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan telah pun meluluskan penurunan tarif elektrik sebanyak 3.7 peratus daripada 32.5 sen/kWj kepada 31.31 sen/kWj, mulai 1 Mac 2009. Ini sekaligus akan meringankan beban yang dihadapi oleh syarikat dalam pengurusan operasi mereka terutama di waktu ekonomi yang tidak menentu ini.

Bagi pengguna domestik, Bajet 2009 telah mengumumkan bahawa isi rumah yang membayar bil elektrik RM20 dan ke bawah sebulan tidak perlu membayar bil elektrik berkuatkuasa 1 Oktober 2008 sehingga akhir 2009.

Di samping itu, Kerajaan juga menggalakkan syarikat menjalankan aktiviti penjanaan tenaga menggunakan sumber boleh diperbaharui. Insentif disediakan kepada syarikat dalam bentuk Taraf Perintis (PS) sebanyak 100 peratus ke atas pendapatan statutori selama 10 tahun, atau Elaun Cukai Pelaburan (ITA) sebanyak 100 peratus ke atas perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan dalam tempoh 5 tahun di mana elaun ini dibenarkan ditolak sehingga 100 peratus daripada pendapatan statutori bagi setiap tahun taksiran.

Tuan Yang Di Pertua,

Syarikat pengilangan juga diberi kemudahan pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas mesin dan peralatan yang tidak dikeluarkan oleh syarikat tempatan dalam aktiviti penjanaan tenaga boleh diperbaharui dan penjimatan tenaga.

Insentif ini telah ditambahbaik dalam Bajet 2009 untuk memperluaskan penggunaan tenaga daripada sumber yang boleh diperbaharui di mana:-

- pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas peralatan sistem solar fotovoltik untuk kegunaan pihak ketiga diberi kepada pengimport termasuk penyedia perkhidmatan fotovoltik yang diluluskan oleh Suruhanjaya Tenaga; dan

- pengecualian cukai jualan diberi ke atas pembelian peralatan sistem pemanasan solar daripada pengeluar tempatan.

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk memastikan Malaysia kekal sebagai salah sebuah negara tarikan FDI utama di rantau Asia dalam keadaan ekonomi global sekarang, Kerajaan akan terus menjalankan promosi bagi pelabur luar dan peniaga tempatan. Sepuluh misi promosi ke negara yang disasarkan seperti Asia, Eropah, Amerika Syarikat dan Australia telah dirancang untuk 2009. Dua Puluh lima misi projek spesifik juga akan dilaksanakan untuk menarik pelaburan dalam industri dan sektor perkhidmatan yang disasarkan.

****

NO : 26

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**TUAN FONG KUI LUN**
		(BUKIT BINTANG)
TARIKH	:	**10. 03. 2009**
NO. SOALAN	:	**26**

TUAN FONG KUI LUN (BUKIT BINTANG) minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk mengurangkan kos barang dan perkhidmatan yang semakin meningkat walaupun Kerajaan telah bertindak menurunkan harga petrol beberapa kali.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan sentiasa berusaha untuk memastikan agar pengguna mendapat barang keperluan dengan harga yang berpatutan, bukan sahaja di bandar malah di luar bandar juga. Kerajaan telah melaksanakan beberapa langkah untuk mengurangkan kos barang dan perkhidmatan yang semakin meningkat walaupun Kerajaan telah bertindak menurunkan harga petrol beberapa kali. Antara langkah yang telah diambil adalah :-

1. Melaksanakan projek perintis pengedaran barang-barang perlu bersubsidi di kawasan luar bandar yang bertujuan memastikan barangan keperluan bersubsidi terutamanya bahan asas makanan seperti beras tempatan 15 peratus hancur ST15, tepung gandum kegunaan am (GP), minyak masak pek 1kg, roti putih, gula dan LPG sampai kepada golongan sasaran pada harga yang berpatutan dan ditetapkan Kerajaan. Di samping mengenalpasti sistem pengedaran yang cekap, efisien dan kos efektif untuk mengedarkan barangan keperluan kepada pengguna terutama di kawasan luar bandar, projek perintis ini diharap dapat memberikan penyelesaian alternatif di dalam menambahbaik sistem pengedaran sedia ada, memastikan bekalan barangan keperluan yang mencukupi di pasaran terutama di kawasan luar bandar dan untuk mengawal kenaikan harga barangan secara mendadak.

Projek perintis tersebut telah berjaya dilaksanakan di Pulau Pinang (Seberang Perai Utara), Pahang (Pekan), Sarawak (Saratok) serta Sabah (Sipitang dan Pensiangan) dan pada tahun 2009 projek perintis ini akan dilanjutkan ke negeri-negeri lain seperti Kelantan (Jeli), Kedah (Baling), Johor (Pontian) dan Terengganu (Hulu Terengganu).

2. Melaksanakan pemberian subsidi bagi barangan perlu yang dikawal harga. Sebagai contoh, pemberian subsidi bagi sektor pengangkutan agar kos pengangkutan dapat dikawal. Sejak 1 Mac 2006, **Sistem Kenderaan Diesel Bersubsidi (SKDS/*Fleetcard*)** yang telah dilaksanakan. Melalui sistem ini, 20 jenis kenderaan perdagangan dan pengangkutan awam yang layak menikmati diesel bersubsidi pada harga **RM1.43 se liter**. Langkah ini bertujuan menampung peningkatan kos operasi memandangkan Kerajaan tidak membenarkan kenaikan harga tambang bagi pengangkutan awam. Bagi kenderaan perdagangan, ia bertujuan untuk mengelakkan daripada pengusaha memindahkan kos kenaikan harga minyak melalui caj atau upah yang dikenakan. Subsidi juga diberi kepada bot-bot penumpang sungai di negeri Sarawak

yang menggunakan enjin diesel pada harga **RM1.43/liter**. Kerajaan juga telah memberi subsidi terhadap barangan perlu seperti tepung gandum kegunaan am (GP), gula dan roti putih pada tahun 2008 bagi memastikan tiada peningkatan harga bagi barangan tersebut akibat perubahan harga komoditi dunia dan secara tidak langsung mengurangkan tekanan kos ke atas barangan lain yang berhubung kait dengan barangan tersebut.

Selain daripada itu, beberapa sesi perjumpaan dan dialog dengan pihak pengeluar, pemborong dan peruncit juga dilakukan bagi menyampaikan mesej kerajaan dan mendapatkan input daripada mereka agar suasana peniagaan berjalan secara beretika dan melahirkan kepercayaan pengguna kepada peniaga-peniaga. Selain daripada itu, melalui dialog yang didakan, pihak kementerian telah mendapat jaminan ada diantara barang-barang pengguna dapat diturunkan harga disebabkan kejatuhan atau penurunan harga bahan mentah.

SOALAN NO. (27)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATUK SIRINGAN BIN GUBAT (RANAU)

TARIKH : 10 MAC 2009 (SELASA)

SOALAN :

Y.B. DATUK SIRINGAN BIN GUBAT (RANAU) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan kenapa projek pembinaan 200 unit rumah di tapak seluas 20 ekar yang terletak di Tanah Merah, Ranau tidak dapat diteruskan walaupun peruntukan sudah diperoleh dalam beberapa tahun yang lepas.

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan Projek Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR) di Tanah Merah, Ranau yang melibatkan pembinaan 200 unit rumah teres tidak dapat diteruskan kerana tapak yang dicadangkan untuk projek berkenaan adalah tidak sesuai.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Mac 2009

SOALAN NO. 28

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : Y.B DR. HIEW KING CHEU

(KOTA KINABALU)

TARIKH : 10 MAC 2009 (SELASA)

SOALAN :

Y.B Dr. Hiew King Cheu (Kota Kinabalu) minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan jumlah subsidi sebulan yang diberikan untuk membantu keluarga kurang mampu dan orang kurang upaya (OKU) di Sabah jika dibandingkan di Semenanjung.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyediakan pelbagai skim bantuan kebajikan kepada golongan yang memerlukan termasuklah keluarga kurang mampu dan Orang Kurang Upaya (OKU).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat dua jenis bantuan kebajikan yang sedang berkuatkuasa iaitu Skim Bantuan Kebajikan Persekutuan yang dibiayai dari peruntukan kewangan Kerajaan Persekutuan dan Skim Bantuan Am yang peruntukan kewangannya dari Kerajaan Negeri. Keadaan ini sama seperti di Negeri-negeri lain di Semenanjung dan juga di Sarawak. Kadar dan syarat Skim Bantuan Am ini adalah berbeza mengikut negeri.

Skim Bantuan Kebajikan Persekutuan telah diperluaskan ke Negeri Sabah mulai 1 Januari 2009 dan melalui peluasan Skim Bantuan Kebajikan Persekutuan ini, Bantuan Kanak-Kanak, Bantuan Orang Tua, Bantuan Anak Pelihara dan Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja telah dipersetujui oleh Kerajaan Negeri untuk dilaksanakan di Negeri Sabah. Ini merupakan tambahan kepada dua Skim Bantuan Persekutuan yang telah diterima oleh Kerajaan Negeri Sabah pada tahun 2008 iaitu Elaun Pekerja Cacat (EPC) dan Bantuan Penjagaan OKU Terlantar/Pesakit Kronik Terlantar.

Kadar bantuan kebajikan bagi OKU yang berkuatkuasa pada masa ini adalah seperti berikut:

a. Elaun Pekerja Cacat – RM 300 seorang sebulan;

b. Bantuan OKU Tidak Mampu Bekerja – RM 150 seorang sebulan; dan

c. Bantuan Penjagaan OKU Terlantar/Pesakit Kronik – RM 300 sebulan.

Bagi golongan yang memerlukan bantuan tetapi tidak memenuhi syarat yang ditetapkan untuk mendapat Bantuan Kebajikan Persekutuan, mereka ini akan dipertimbangkan pemberian Bantuan Am.

29

NO. SOALAN: ~~50~~

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**DATO' ISMAIL BIN KASIM**
TARIKH	:	**10 MAC 2009**

SOALAN:

DATO' ISMAIL BIN KASIM [ARAU] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah projek-projek yang boleh dilaksanakan oleh IKS atau projek-projek yang dikenalpasti oleh Kerajaan untuk IKS bagi membolehkan mereka mengharungi suasana kegawatan ekonomi dan bagaimanakah kerajaan membantu IKS Bumiputera meneroka peluang ekonomi baru seperti penyediaan tenaga alternatif, bioteknologi dan produk halal.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MECD) telah menyediakan pelbagai program dan inisiatif bagi membantu dan membangunkan usahawan dalam bidang perniagaan termasuk usahawan Industri kecil dan Sederhana (IKS) sebagai salah satu golongan sasaran selaras dengan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) untuk melahirkan 150,000 usahawan baru dan memantapkan 25,000 enterprais sedia ada dalam tempoh RMKe-9.

Sehubungan dengan itu, MECD dan agensi-agensi di bawahnya telah dan sedang membangunkan usahawan melalui program-program strategik dan berstruktur termasuklah Landskap Peruncitan; Program Groom Big; Program *Contract Farming*; Program *Contract Manufacturing*; Usahawan Glokal; Program Satu Daerah Satu Industri; Pembangunan Francais; Pembangunan Rantaian Nilai; Pembangunan Usahawan Teknoprenuer; Usahawan Pengangkutan; Usahawan Binaan dan Usahawan ICT.

Selain itu, *MECD's Strategic and Target Industry* (MESTI) merupakan satu program/ strategi yang bertujuan meneroka dan mengkaji peluang-peluang keusahawanan dalam industri baru yang strategik, khusus untuk usahawan-usahawan Bumiputera. Terdapat 13 bidang industri strategik yang dikenalpasti oleh Jawatankuasa MESTI dalam usaha mencapai matlamat MPPB iaitu aeroangkasa, pengangkutan dan logistik, farmaseutikal dan penjagaan kesihatan, petroleum dan gas, automotif, industri asas tani, pendidikan dan latihan, pengisian halal hub, bioteknologi, pembinaan pelancongan, bank dan kewangan serta teknologi maklumat dan komunikasi. Sejumlah 31 syarikat Bumiputera telah didaftarkan bermula tahun 2005 sehingga kini. Namun begitu, hanya 24 syarikat yang masih aktif dalam program MESTI ini.

MECD juga telah mengambil inisiatif melalui kerjasama dengan Universiti Utara Malaysia (UUM) bagi menganjurkan Persidangan Kebangsaan IKS Bumiputera 2009 yang akan diadakan pada 10 hingga 11 Mac 2009 bertempat di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur dengan objektif untuk mengkomersilkan produk-produk baru IKS yang boleh diperniagakan untuk dimanfaatkan oleh usahawan-usahawan. Persidangan dan pameran yang berjalan serentak ini juga bertujuan untuk menyediakan platform kepada para penyelidik daripada Institusi Pengajian Tinggi (IPT) untuk mempamerkan produk hasil penyelidikan yang berpotensi untuk dikomersilkan kepada usahawan melalui kaedah pemadanan perniagaan.

Tuan Yang Dipertua,

MECD melalui agensi-agensi di bawahnya iaitu MARA, TEKUN Nasional, SME Bank, Bank Rakyat, Perbadanan Nasional Berhad (PNS) dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) juga menyediakan pelbagai kemudahan pinjaman kepada usahawan dan bakal usahawan bagi memulakan perniagaan dan mengembangkan perniagaan dan seterusnya membolehkan mereka mengharungi suasana kegawatan ekonomi. MARA dan TEKUN Nasional telah mengambil langkah mempermudahkan urusan dan proses permohonan pinjaman dengan memendekkan tempoh masa memproses permohonan dan tidak mengenakan cagaran kepada permohonan pinjaman berjumlah kurang daripada RM 50,000. Secara keseluruhan dari tahun 2006 hingga 2008, seramai 52,295 usahawan IKS telah diberi pinjaman untuk perniagaan mereka dengan nilai RM1.57 bilion.

SOALAN : NO. 30

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN KHALID BIN ABDUL SAMAD [SHAH ALAM]

TARIKH JAWAPAN DI DEWAN RAKYAT : 10 MAC 2009 (SELASA)

SOALAN

Tuan Khalid Bin Abdul Samad minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan jumlah pendapatan kesemua Syarikat Penjana Tenaga Bebas (IPP) dari Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan pernahkah terdapat sebarang rundingan antara Kementerian dan IPP berkaitan Perjanjian Pembelian Tenaga (PPA).

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Jumlah keseluruhan bayaran yang telah diterima oleh kesemua syarikat penjana bebas (IPP) dari Tenaga Nasional Berhad (TNB), iaitu dari tarikh mula IPP pertama memulakan tugas sehingga Disember 2008 ialah sebanyak RM81.7 bilion. Jumlah bayaran ini merangkumi *energy payment* dan *capacity payment*, dengan izin kepada kesemua IPP-IPP tersebut.

Kementerian ini tidak pernah mengadakan sebarang rundingan terus dengan mana-mana IPP kerana Perjanjian Jual Beli Tenaga atau *Power Purchase Agreement* (PPA), dengan izin yang telah ditandatangani merupakan satu

perjanjian antara dua entiti swasta, iaitu di antara TNB dan pihak IPP yang terbabit.

Walau bagaimanapun, sebagai usaha untuk melindungi kepentingan rakyat serta memastikan *sustainability* pihak TNB sebagai *single offtaker* dengan izin, Kerajaan telah memulakan perbincangan dengan pihak IPP untuk mengkaji semula terma-terma PPA. Namun, rundingan ini terpaksa ditangguhkan buat sementara waktu akibat kesan negatif yang timbul ke atas industri pelaburan dan pasaran kewangan di negara ini dan akan disambung semula setelah kajian menyeluruh mengenai penstrukturan semula industri bekalan elektrik negara selesai dilaksanakan.

****

NO. SOALAN: 31

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' RAZALI HAJI IBRAHIM
TARIKH : 10 Mac 2009

SOALAN:

Y.B. Dato' Razali Haji Ibrahim [Muar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha-usaha Kerajaan dalam memastikan hasrat pembangunan negara di bawah inisiatif projek koridor-koridor pembangunan dapat diteruskan dengan lancar dalam keadaan cabaran pembangunan ekonomi hari ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelbagai usaha telah dirancang untuk membantu memastikan inisiatif projek koridor-koridor pembangunan dapat diteruskan dengan lancar pada masa keadaan krisis kewangan pada masa kini. Di antaranya ialah melalui penyaluran peruntukan seperti yang diperuntukkan dalam tempoh Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-9 sebanyak RM10 bilion bagi melaksanakan sejumlah 224 program/projek di setiap koridor mengikut jadual perancangan. Bagi tahun 2008 UPE, JPM telah menyalurkan peruntukan pembangunan sebanyak RM301 juta kepada Pihak Berkuasa

Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA), RM45 juta kepada Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA), RM30 juta kepada Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC), RM10 juta kepada Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Sabah dan RM30 juta kepada Unit Perancang Negeri (UPN) Sarawak. Bagi tahun 2009 pula, penyaluran pertama bagi semua koridor iaitu sebanyak 40% atau RM2.5 bilion daripada keseluruhan peruntukan pembangunan akan diberikan kepada semua PBK dan UPEN Sabah dan UPN Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua,

Selain itu, Kerajaan melalui PBK telah mengadakan program-program promosi dalam dan luar negara dengan tujuan menyebarkan maklumat mengenai peluang-peluang pelaburan dan pakej insentif yang disediakan bagi menarik pelaburan tempatan dan asing ke koridor pertumbuhan masing-masing. Langkah ini telah berjaya menarik minat dan komitmen pelabur tempatan dan luar negara membuat pelaburan di lokasi koridor pertumbuhan yang diberi keutamaan.

Di samping itu, usaha melalui penyediaan pakej insentif kepada pelabur-pelabur di koridor pertumbuhan di mana kesesuaian pakej insentif tersebut akan sentiasa dikaji bagi memenuhi permintaan atau keperluan para pelabur dari masa ke semasa untuk meningkatkan pelaburan yang disasarkan di koridor pertumbuhan. Sebagai contoh, pakej insentif fiskal (*fiscal*) dan bukan fiskal (*non-fiscal*) yang sedia ada akan diberi kelonggaran atau akan dipinda sekiranya terdapat permintaan daripada

pelabur tetapi tertakluk kepada syarat dan persetujuan daripada agensi-agensi atau jawatankuasa yang berkaitan.

SOALAN NO. 32.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI WAN ABDUL RAHIM BIN WAN ABDULLAH [KOTA BHARU]

TARIKH : 10 MAC 2009

SOALAN:

Minta PERDANA MENTERI menyatakan menyatakan adakah benar pihak Kerajaan melalui Peguam Negara telah memaklumkan kepada Pengerusi SPR bahawa Kabinet membuat keputusan tidak membenarkan penggunaan dakwat kekal (indelible ink) menjelang PRU ke-12 yang lalu.

JAWAPAN: **Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kenyataan yang dibuat oleh Y.B dari Kota Bharu adalah tidak benar.

2. Keputusan membatalkan penggunaan dakwat kekal (indelible ink) dibuat adalah disebabkan cadangan tersebut bercanggah dengan Peruntukan Perkara 119 (1) Perlembagaan Persekutuan dan juga atas sebab-sebab keselamatan seperti mana yang telah diumumkan oleh Pengerusi SPR tempoh hari.

3. Seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, mengundi adalah hak setiap warganegara Malaysia dan tidak ada siapa yang boleh menghalang untuk seseorang mengundi jika ia enggan untuk dicalit dengan dakwat kekal.

4. Oleh yang demikian cadangan tersebut tidak boleh dilaksanakan melalui pindaan kepada Perkara 119 (1) Perlembagaan Persekutuan dibuat terlebih dahulu.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO.. 33

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL**
TARIKH	**:**	**10 MAC 2009**
SOALAN	**:**	**Meminta MENTERI PELANCONGAN menyatakan:-**

Adakah Kerajaan bercadang memilih beberapa buah pulau yang berpotensi menjadi pusat percutian pelancongan yang bertaraf antarabangsa seperti Pulau Langkawi bagi memesatkan lagi industri pelancongan negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Pada masa kini Kementerian Pelancongan tidak bercadang untuk membangunkan serta mempromosikan mana-mana pulau lain di negara ini menjadi pusat percutian pelancongan yang bertaraf antarabangsa seperti Pulau Langkawi memandangkan Kementerian ini berhasrat untuk memberikan fokus terhadap meningkatkan imej Langkawi sebagai sebuah destinasi pelancongan terunggul. Ini kerana apabila dibandingkan dengan tempoh yang sama tahun 2007, kedatangan pelancong ke Langkawi pada tahun 2008 telah menunjukkan penurunan sebanyak 4.45%.

Justeru, Kementerian ini berpandangan pembangunan di Langkawi memerlukan perancangan dan pelaksanaan lebih rapi bagi memastikan kelebihan Langkawi sebagai destinasi pelancongan yang bertaraf antarabangsa tidak terjejas. Pada masa kini, Langkawi telah terkenal sebagai sebuah destinasi peranginan bebas cukai yang popular dan telah diberikan status Geo-Park oleh UNESCO.

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 5 Disember 2008 telah pun bersetuju supaya lebih banyak persidangan antarabangsa diadakan di Langkawi bagi memulihkan industri pelancongan di pulau tersebut. Lantaran itu, Kementerian ini akan memberikan keutamaan kepada Langkawi bagi mengadakan mesyuarat dan

persidangan-persidangan antarabangsa dan telah pun menjadualkan beberapa mesyuarat dan program untuk dilaksanakan di Langkawi.

Tuan Yang DiPertua,

Walau bagaimanapun, beberapa pulau lain antaranya Pulau Pangkor, Pulau Tioman, Pulau Redang dan Pulau Sipadan telah pun dikenali dikalangan pelancong asing sebagai antara pulau peranginan yang cantik dan kaya dengan khazanah alam semula jadi. Kementerian Pelancongan sentiasa merangka dan menilai semula dasar-dasar pelancongan negara mengikut perkembangan serta perubahan sektor pelancongan bukan sahaja dari sudut domestik malah secara global, demi memastikan daya tarikan Malaysia sebagai sebuah destinasi pelancongan yang menarik.

NN. 34

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**BAGI JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**Dato' Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru]**
TARIKH	:	**10 Mac 2009 (Selasa)**
SOALAN	:	~~63~~ 34

Dato' Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil bagi membantu pelajar sekolah penerbangan yang menghadapi masalah membiayai kos pembelajaran yang tinggi.

Jawapan:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Bayan Baru, Kerajaan tidak menyediakan sebarang bantuan kewangan kepada pelajar-pelajar sekolah penerbangan kerana ia tidak terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan. Kerajaan melalui Jabatan Penerbangan Awam *(DCA)* hanya bertanggungjawab untuk mengawal selia sekolah-sekolah penerbangan berhubung aspek-aspek seperti berikut:

(i) menilai kebolehan dan kesesuaian seterusnya kelulusan(*Certificate of Approval)* kepada sekolah penerbangan bagi mengendalikan latihan penerbangan;

(ii) memberi kelulusan kepada sekolah penerbangan menjalankan peperiksaan berkaitan latihan penerbangan yang dijalankan;

(iii) menentukan kelayakan dan kesesuaian jurulatih;

(iv) menentukan format/kandungan latihan yang dijalankan;

(v) menilai kemudahan yang dimiliki/disediakan oleh sekolah penerbangan untuk menjalankan operasi latihan seperti simulator, kelas, kapal terbang, hangar dan lain-lain; dan

(vi) menilai kelulusan akademik calon yang ingin menjadi pelatih juruterbang.

SOALAN NO: 35

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

DARIPADA : TUAN MATULIDI BIN JUSOH (DUNGUN)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 10.03.2009

Tuan Matulidi bin Jusoh (Dungun) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengapakah masih terdapat komponen alat ganti kereta nasional jenis Perdana yang masih tinggi harganya berbanding kereta-kereta setaraf dengannya dan mengapakah masih ada alat-alat ganti yang tidak berkualiti.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, kos penyelenggaraan tahunan kereta Perdana bagi penggunaan biasa iaitu di antara 20,000km sehingga 30,000km setahun secara anggaran adalah sebanyak RM2,300. Kos penyelenggaraan ini adalah munasabah dan berpatutan jika dibandingkan dengan kereta-kereta yang setarafnya. Kos penyelenggaraan juga pasti meningkat bagi penggunaan yang lebih daripada kekerapan biasa. Penggunaan alat ganti tulen dan penyelenggaraan kereta oleh juruteknik bertauliah boleh menjamin pengguna daripada dibebani dengan kos-kos dan alat ganti yang tidak berpatutan.

2. Dari segi kualiti, PROTON telah melancarkan Kempen Kualiti di seluruh syarikat bagi mempertingkatkan komitmen syarikat kepada kualiti yang sememangnya akan dirasai oleh pelanggan-pelanggan PROTON. Walau bagaimanapun, pada masa yang sama, terdapat banyak alat ganti tiruan di pasaran yang menggunakan jenama 'alat ganti tulen PROTON'.

3. Bagi menyekat perkara ini daripada berleluasa, PROTON sentiasa membuat pemantauan serta laporan bagi menyekat penjualan alat ganti tiruan di pasaran kerana selain daripada tidak berkualiti, ia juga boleh mendatangkan bahaya kepada para pengguna. Di samping itu, PROTON akan terus memberi kesedaran kepada pengguna untuk memastikan pengguna mendapatkan alat ganti tulen bagi menjamin prestasi dan kualiti sebenar diperolehi.

SOALAN NO: 36

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB

TARIKH: 10 MAC 2009

SOALAN:

Y.B. TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB [Kubang Kerian] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah langkah yang telah, sedang dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan bagi menghadapi kemungkinan begitu ramai rakyat kehilangan pekerjaan sehingga 400,000 orang yang dijangka hilang pekerjaan oleh Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF) dan antara 350,000 hingga 400,000 rakyat Malaysia yang bekerja di Singapura yang menghadapi kemungkinan diberhentikan apabila kira-kira setengah juta pekerja di Singapura berdepan dengan kemungkinan diberhentikan.

PR-1221-L16816

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sedar bahawa krisis ekonomi global masa kini telah memberi kesan kepada syarikat-syarikat pengeluar kerana berlakunya penurunan permintaan yang ketara ke atas produk keluaran mereka di pasaran eksport. Ekoran daripada itu, tindakan mengurangkan pekerja melalui pemberhentian tetap dan pemberhentian sentara terpaksa dilakukan.

Kerajaan menjangkakan diantara 40,000 hingga 58,000 pekerja akan kehilangan pekerjaan pada tahun 2009 akibat krisis ekonomi global tersebut berbanding dengan unjuran Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF). Jangkaan ini walau bagaimanapun bergantung kepada perkembangan ekonomi global dan kesan dari pelaksanaan projek-projek di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi yang dilancarkan.

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian saya telah mengambil beberapa langkah bagi menangani masalah pemberhentian pekerja serta memastikan nasib dan kebajikan warga pekerja di negara ini terpelihara dalam suasana krisis ekonomi yang melanda. Diantara langkah-langkah tersebut adalah seperti berikut:-

i) Menubuhkan Jawatankuasa *Tripartite* Pemantauan Pemberhentian Pekerja di peringkat Kebangsaan dan Negeri, yang bertujuan memantau dan mengatasi impak krisis ekonomi terhadap pekerja yang diberhentikan.

ii) Mewujudkan 80 buah Bilik Operasi Pemantauan Pemberhentian Pekerja di semua pejabat Jabatan Tenaga Kerja di seluruh negara. Bilik Operasi ini berperanan untuk:

- memantau insiden / laporan pemberhentian pekerja;
- membantu pekerja yang diberhentikan mendapat pekerjaan baru;
  mengumpul maklumat mengenai pemberhentian kerja tetap, pemberhentian secara sukarela (VSS), pemberhentian sentara *(lay-off)* dan pengurangan gaji;
- membantu majikan terlibat untuk mengambil langkah / opsyen selain dari pemberhentian; dan
- memantau secara proaktif kekosongan jawatan di sektor awam dan swasta dan seterusnya menguruskan penempatan pekerjaan dengan kerjasama pihak majikan.

iii) Mewujudkan *Community-Based Employment Support Services (CESS)* di semua 80 pejabat Tenaga Kerja diseluruh Negara dan di 27 buah Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) untuk memberi khidmat nasihat dan bimbingan kerjaya serta menempatkan pencari kerja dalam pekerjaan. Selain itu, 22 Kiosk CESS akan ditubuhkan di tempat-tempat tumpuan awam di seluruh Negara.

iv) Menjalankan program latihan semula dan penempatan *(train & place)* bagi pekerja-pekerja yang diberhentikan, belia dan siswazah menganggur untuk membolehkan mereka memperolehi kemahiran baru sesuai dengan keperluan pasaran pekerjaan semasa. Pekerja-pekerja yang diberhentikan perlu berdaftar dengan *JobsMalaysia* sebelum diberi latihan dan seterusnya dibuat penempatan.

v) Kementerian saya juga, akan menjalankan program *train and retain* bagi pekerja yang terlibat dengan pemberhentian sentara. Mereka akan diberi latihan dalam bidang kemahiran yang diperlukan oleh industri dan akan diambil bekerja semula dengan majikan asal selepas tamat latihan.

Tuan Yang Di Pertua,

Bagi menentukan peluang kerja yang lebih banyak kepada rakyat tempatan, Kerajaan telah memutuskan supaya pengambilan pekerja asing dibekukan bagi sektor pembuatan terutama dalam industri elektrik dan elektronik, tekstil dan pakaian serta sektor perkhidmatan. Kerajaan telah membuat keputusan supaya jaminan bank dan baki levi pekerja asing yang diberhentikan dan dihantar pulang, dikembalikan secepat mungkin kepada majikan .

SOALAN NO: 37

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK DR. MARCUS MOJIGOH

[PUTATAN]

TARIKH : 10 MAC 2009

SOALAN :

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

(a) berapa ramaikah kanak-kanak tidak bernegara (*stateless kid*) yang terdapat di negeri Sabah; dan

(b) adakah pihak Kerajaan bersedia untuk memberikan latihan vokasional kepada mereka ini bagi memenuhi keperluan tenaga kerja negara yang banyak bergantung dengan buruh asing. **(Input daripada Kementerian Sumber Manusia)**

JAWAPAN : **Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Dipertua,

a) Melalui bancian yang dijalankan oleh Pasukan Petugas Khas Persekutuan (Sabah/Labuan), Majlis Keselamatan Negara pada tahun 2007 di 31 penempatan pendatang luar negeri di seluruh negeri Sabah, didapati terdapat seramai 18,182 orang kanak-kanak yang tidak berdokumen. Kanak-kanak tidak berdokumen ini tidak semestinya berstatus tidak bernegara (stateless children). Oleh itu, adalah sulit untuk mendapatkan perangkaan yang sebenar mengenai kanak-kanak tidak bernegara, kerana kita mestilah membuat pembuktian terlebih dahulu mengenai kanak-kanak tersebut, berkenaan kedudukan mereka yang berstatus tidak diterima oleh mana-mana negara sebagai rakyatnya.

b) Dasar Kerajaan pada masa ini, hanya memberi latihan kemahiran kepada warganegara Malaysia sahaja.

SOALAN NO. 38

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
TARIKH	:	**10.03.2009 (SELASA)**
DARIPADA	:	**Y.B. DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR**
KAWASAN	:	**TUMPAT**

Y.B. DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR Minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan pelan Kerajaan dalam memelihara kepentingan perdagangan negara di pasaran antarabangsa dalam menghadapi keadaan ekonomi lembap kini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Dalam memelihara kepentingan perdagangan negara di pasaran antarabangsa termasuk dalam keadaan kelembapan ekonomi global, Malaysia akan terus berperanan proaktif di forum-forum antarabangsa di peringkat dua hala, serantau dan pelbagai hala seperti Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO), Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN), Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC), Mesyuarat Asia-Eropah (ASEM), Pertubuhan Persidangan Negara-negara Islam (OIC) dan Kumpulan Negara-negara Membangun Lapan (D-8). Malaysia akan sentiasa memastikan manfaat diperolehi melalui agenda dan program yang dipersetujui oleh fora tersebut, terutamanya akses pasaran

bagi barangan dan perkhidmatan yang dieksport Malaysia, pemudahan urusan perdagangan dan pelaburan serta kerjasama ekonomi dan bina upaya.

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan juga telah mengambil pendekatan menyeluruh bagi memastikan keluaran Malaysia kekal berdaya saing di pasaran antarabangsa dengan meningkatkan kesedaran dan menggalakkan lagi para pengeksport di Malaysia untuk meraih manfaat dari Perjanjian Perdagangan Bebas atau dengan izin, *Free Trade Agreement* (FTA) serantau yang telah ditandatangani oleh Malaysia seperti perjanjian Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN atau dengan izin, *ASEAN Free Trade Area* (AFTA); FTA ASEAN dengan China, Korea dan Jepun, serta FTA dua hala antara Malaysia dengan Jepun dan Pakistan. Untuk menggalakkan lagi penggunaan skim-skim keutamaan tarif FTA, Pusat Rujukan bagi khidmat nasihat serta bantuan teknikal mengenai FTA dua hala atau serantau juga telah diwujudkan di MITI dan agensinya.

Tuan Yang DiPertua,

Kementerian melalui Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) kini telah memperkemaskini dan menghalusi pendekatan galakan perdagangannya dengan memberi tumpuan kepada pasaran di negara-negara membangun serta barangan yang berpotensi eksport tinggi. Sejumlah 98 program galakan telah dirancang bagi tahun 2009 di mana lebih 50 peratus daripada program tersebut mensasarkan pasaran baru dan berpotensi seperti India, China, Timur Tengah, Russia dan Brazil.

Misi Galakan Perdagangan dan Pelaburan yang dirancang bagi tahun 2009 akan melibatkan pasaran tradisional seperti Amerika Syarikat, Jepun, Jerman, Itali, United Kingdom, Korea dan Taiwan, serta pasaran baru seperti India, China, Mesir, Algeria, Syria, Ukraine, Rusia, Australia, Indonesia dan Thailand.

Bagi membantu enterpris kecil dan sederhana (EKS) untuk meneroka pasaran eksport, MATRADE menganjurkan program misi belian di mana pembeli premium dari luar negara akan ditemukan dengan para pengeksport di Malaysia. Melalui program ini, syarikat-syarikat EKS tidak perlu ke luar negara untuk memasarkan keluaran mereka.

Kerajaan juga telah memperluaskan skop dua geran iaitu Geran Pembangunan Pasaran (MDG) dan Dana Eksport Perkhidmatan (SEF). Geran dan dana ini boleh dimanfaatkan oleh pengeksport Malaysia kerana ia bertujuan untuk mengurangkan kos promosi dan membiayai aktiviti promosi di pasaran luar negara.

****

SOALAN : # 39

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : IR. HAJI HAMIM BIN SAMURI [LEDANG]

TARIKH JAWAPAN DI DEWAN RAKYAT : 10 MAC 2009 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan bagaimana Kerajaan boleh mengawal sikap tamak Maxis, Celcom, Digi dan lain-lain yang terus menerima pelanggan baru sehingga menyebabkan banyak gangguan talian telefon di hampir semua kawasan liputan mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi (KTAK) sedar tentang persaingan bagi mendapatkan pelanggan-pelanggan baru di kalangan pemberi perkhidmatan telefon selular (Telco) dalam negara ini. Namun begitu, Kementerian ini sentiasa prihatin dengan tahap kualiti perkhidmatan yang disediakan oleh Telco kepada pelanggan masing-masing.

KTAK melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sentiasa memantau tahap kualiti perkhidmatan selular di seluruh negara. Ujian dan Penilaian terhadap Perkhidmatan Rangkaian Telefon Mudah Alih bagi piawaian "dropped calls", "inter-network endpoint service availability" dan "intra-

network availability", dengan izin, dijalankan dengan berterusan bagi memastikan kepentingan pelanggan sentiasa terpelihara.

Setiap Telco adalah tertakluk kepada Penentuan Standard Mandatori SKMM bilangan 2 Tahun 2002. Standard Mandatori atau piawaian ini menetapkan panggilan yang terputus atau *dropped calls*, dengan izin, pada kadar 5%. Di samping itu, piawaian bagi *endpoint service availability* iaitu peratus panggilan terputus dan panggilan yang disekat atau *blocked calls*, dengan izin adalah juga 5%.

Selain daripada itu, Penentuan Standard Mandatori ini turut dikenakan ke atas jumlah bilangan aduan am yang diterima oleh Telco, di mana bilangan aduan yang diterima oleh mereka tidak boleh melebihi 50 untuk 1000 pelanggan dalam masa 12 bulan.

Untuk makluman Yang Berhormat,

Bagi Telco yang melanggar Penentuan Standard Mandatori tersebut, mereka boleh dikenakan denda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit (RM100,000) atau dipenjarakan selama tempoh 2 tahun atau kedua-duanya. (Seksyen 242 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998).

****

SOALAN NO: 40

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH [KUANTAN]**
TARIKH	:	**10 MAC 2009**
RUJUKAN	:	**1561**

SOALAN :

Puan Hajah Fuziah Binti Salleh [Kuantan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan:-

(a) sama ada pihak Kementerian menerima hakikat bahawa bilangan anggota polis di seluruh negara adalah mencukupi sekiranya diukur mengikut nisbah anggota polis kepada orang awam seperti yang disarankan Interpol; dan

(b) adakah langkah-langkah lain yang akan diambil untuk memerangi jenayah selain daripada menambah bilangan anggota polis.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Kuantan yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, Kementerian menyedari bahawa nisbah anggota polis berbanding penduduk pada masa kini iaitu 1:274 (kekuatan PDRM 100,840 orang kepada jumlah penduduk Malaysia 27.590 juta) adalah jauh lebih rendah daripada standard yang ditetapkan oleh Interpol (1:250). Disebabkan oleh jumlah penduduk di sesuatu kawasan adalah tidak sama, maka sudah pasti nisbah anggota polis kepada orang awam juga adalah tidak sama. Walaubagaimanapun, menjelang tahun 2011, adalah diharapkan nisbah anggota polis kepada orang awam akan mencapai 1:206, iaitu dengan mengambil kira jangkaan jumlah pertambahan anggota polis pada waktu itu seramai 150,000 orang dan pertambahan penduduk Malaysia seramai 31 juta orang.

Tuan Yang Dipertua,

Sebagai persediaan dalam memerangi jenayah di negara ini, PDRM sedia maklum berhubung fenomena "Fear Of Crime" yang wujud di kalangan rakyat terhadap senario jenayah yang berlaku pada masa kini. Pelbagai usaha telah dirancang dan dilaksanakan oleh PDRM

bagi memastikan masalah peningkatan kadar jenayah akan berada di tahap yang minimum. Selain itu, pemasangan CCTV oleh pemilik atau penyewa bangunan adalah digalakkan kerana dapat membantu pencegahan jenayah di peringkat dalaman. Pondok polis atau balai polis komuniti turut diwujudkan di kawasan-kawasan yang mempunyai kadar jenayah yang tinggi. Kawasan pengawasan pondok atau balai ini kemudiannya diperkecilkan agar kehadiran dan kekerapan rondaan polis boleh dipertingkatkan. Selain itu, penglibatan orang ramai dari segi membantu menyalurkan maklumat akan memudahkan lagi pihak polis bertindak untuk membasmi aktiviti jenayah dengan cepat dan tepat. Bagi tujuan tersebut, konsep Rakan Cop akan diperluaskan sebagai salah satu platform bagi pihak polis untuk mendapatkan risikan keselamatan.

NO: 41

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : Y.B. DATO' ABU BAKAR B. TAIB (LANGKAWI)

TARIKH : 10 Mac 2009 [41]

SOALAN : **Y.B. Dato' Paduka Abu Bakar B. Taib (Langkawi)** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah dasar Kerajaan terhadap penganjuran *Langkawi Dialogue International (LID)* dan adakah ianya akan diteruskan lagi bagi mengukuhkan hubungan dengan negara-negara Dunia Ketiga dari segi diplomasi, perdagangan dan keakraban bersama negara.

JAWAPAN:

Tan Sri Yang Dipertua,

Sukacita saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa Kerajaan -- dengan kerjasama Sekretariat Perkongsian Mengenai Pengurusan Teknologi Komanwel, ataupun *Commonwealth Partnership for Technology Management (*CPTM*)* yang beribu pejabat di London, United Kingdom -- akan menganjurkan *Langkawi Dialogue International (LID)* pada masa-masa yang akan datang. Setakat ini, keputusan telah pun dibuat oleh Jemaah Menteri dalam tahun 2007 untuk menganjurkan sesi LID yang akan datang pada tahun 2010.

Menyedari kepentingan sesi-sesi LID sebagai suatu bentuk forum atau latar yang sihat, pihak Kerajaan sedang mengkaji pendekatan dan format penganjuran sesi-sesi LID yang akan datang dengan tujuan untuk mempertingkatkan lagi keberkesanan serta manfaatnya ke arah menyuburkan lagi kerjasama di kalangan negara membangun.

Sebagaimana Dewan yang mulia ini sedia maklum, sesi-sesi LID merupakan satu-satunya landasan perdana yang unik bagi negara-negara membangun untuk berkongsi-kongsi dan bertukar-tukar pandangan dan pengalaman di bawah kerangka Perkongsian Bestari *(Smart Partnership)*. Bidang yang diberi tumpuan adalah bidang urus tadbir untuk pembangunan *(governance for development)* dari perspektif sektor awam dan swasta. Pengalaman Malaysia dalam hal ini dianggap sebagai contoh *(role model)* yang sentiasa diutarakan dalam kesemua sesi LID dan sesi Dialog Antarabangsa Rantau Afrika Selatan *(Southern Africa International Dialogue - SAID)*.

Penganjuran sesi-sesi LID sejak tahun 1995 telah melonjakkan nama baik dan semangat setia kawan Malaysia di kalangan negara membangun. Kini, Malaysia dianggap sebagai pemimpin mereka di dalam Pertubuhan Komanwel. Perkembangan sebegini seterusnya telah membuka banyak peluang pelaburan dan perniagaan kepada Malaysia di negara-negara tersebut. Sememangnya, hubungan perdagangan dua hala antara Malaysia dengan negara-negara berkenaan telah meningkat semenjak lahirnya LID 15 tahun yang lalu.

Terima kasih, Tan Sri Yang Dipertua.

SOALAN NO: 42

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIAA

DARIPADA : **TUAN AZAN BIN ISMAIL**
(INDERA MAHKOTA)

PERTANYAAN : **LISAN**

TARIKH : **10.03.2009**

Tuan Azan Bin Ismail (Indera Mahkota) minta **Menteri Kewangan** menyatakan berapakah jumlah wang kertas dan syiling yang berada di dalam pasaran di dalam negara pada tahun 2007 dan 2008 serta kaedah pengagihan mengikut negeri-negeri.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah wang kertas dan syiling yang berada di dalam pasaran di dalam negara setakat 31 Disember 2007 dan 31 Disember 2008 adalah seperti berikut:

Jenis	2007	2008
	Nilai (RM juta)	Nilai (RM juta)
Wang kertas	40,595.4	46,287.2
Duit syiling	1,597.2	1,755.7
Jumlah	42,192.6	48,042.9

2. Kaedah pengagihan wang kertas dan syiling mengikut negeri-negeri adalah melalui 6 buah cawangan Bank Negara Malaysia di seluruh negara. Walau bagaimanapun, data pengagihan mengikut negeri-negeri adalah sukar diperolehi disebabkan oleh pergerakan bebas wang-wang tersebut antara negeri-negeri di Malaysia. Tambahan lagi, Bank Negara Malaysia hanya memantau kedudukan wang kertas dan duit syiling yang berada di dalam pasaran secara menyeluruh.

SOALAN NO: 43

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**DATO' DR. JAMES DAWOS MAMIT [MAMBONG]**
TARIKH	:	**10 MAC 2009**
RUJUKAN	:	**1562**

SOALAN :

Dato Dr James Dawos Mamit [Mambong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Akta Pembeli Barangan Terpakai 1946 (Second Hand Dealers Act 1946) masih diguna pakai dan adakah ianya berkesan untuk menangani kawalan pembelian barangan kecurian.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Mambong yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, Akta Pembeli Barangan Terpakai 1946 (Akta 189) digubal bagi mengawal pengeluaran lesen dan seterusnya mengenakan syarat-syarat berhubung peniaga barang-barang terpakai. Dari segi pelaksanaannya, peruntukan di dalam Akta ini masih lagi digunapakai bagi membanteras kegiatan-kegiatan melupuskan harta curi oleh penjenayah-penjenayah.

Tuan Yang Dipertua,

Akta ini turut memperuntukkan hukuman yang berat iaitu penjara antara setahun hingga lapan tahun bagi peniaga barang-barang terpakai yang melanggar syarat-syarat lesen atau terlibat melakukan kesalahan berikut, iaitu menerima barang curi (Seksyen 411 Kanun Keseksaan); berniaga barang curi (Seksyen 413 Kanun Keseksaan) dan menyembunyikan barang curi (Seksyen 414 Kanun Keseksaan). Seksyen 11 Akta tersebut juga turut memperuntukkan pembatalan lesen ke atas peniaga barang-barang terpakai yang terlibat melakukan kesalahan di atas. Walaubagaimana pun, Akta ini masih

dalam peringkat kajian pihak Kementerian dengan Kerjasama Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan dan Kementerian Tenaga, Air Dan Komunikasi bagi mengadakan peruntukan serta syarat-syarat baru yang lebih ketat dan hukuman yang lebih berat lagi untuk memastikan kegiatan melupuskan barang-barang curi dapat dibendung.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN NO : 44

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**TUAN LIM LIP ENG**
		(SEGAMBUT)
TARIKH	:	**10.03.2009**
NO. SOALAN	:	**44**

TUAN LIM LIP ENG (SEGAMBUT) minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan adakah benar terdapat satu pekeliling daripada Ketua Setiausaha mengatakan bahawa semua operasi penguatkuasaan daripada mana-mana pejabat Kementerian perlu mendapat kebenaran bertulis daripada Ketua Setiausaha sebelum operasi bermula dan sekiranya benar, mengapa sedemikian.

Tuan Yang Dipertua,

JAWAPAN

Tiada sebarang pekeliling yang dikeluarkan oleh Kementerian yang mengkehendaki semua operasi penguatkuasaan mendapatkan kebenaran bertulis daripada Ketua Setiausaha. Walaubagaimanapun, Ketua Setiausaha sebagai pegawai pengawal yang bertanggungjawab ke atas Kementerian perlu di maklumkan sebarang aktiviti dan operasi yang akan dijalankan. Perkara ini perlu dilakukan bagi memastikan setiap aktiviti dan operasi akan dijalankan mengikut prosedur dan penuh intergriti.

Soalan No : 45

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**Y.B. DATO' SHAMSUL ANUAR BIN NASARAH (LENGGONG)**
TARIKH	:	**10.03.2009**

SOALAN:

Y.B. DATO' SHAMSUL ANUAR BIN NASARAH [LENGGONG] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah peranan Dewan Bahasa Dan Pustaka (DBP) dalam mendaulatkan Bahasa Malaysia agar setanding dengan bahasa lain dan apakah Kementerian ada cadangan untuk memperuntukkan kuasa kepada DBP bagi membolehkannya mengambil tindakan kepada mana-mana pihak yang merendahkan kedaulatan bahasa kebangsaan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Peranan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dalam mendaulatkan bahasa kebangsaan agar setanding dengan bahasa lain telah diperuntukkan melalui Seksyen 5 Akta Dewan Bahasa dan Pustaka 1959 (Disemak 1978) [Akta 213] serta Akta Dewan Bahasa dan Pustaka (Pindaan dan Perluasan) 1995 [Akta A930], antaranya termasuklah:

(i) membina dan memperkayakan bahasa kebangsaan dalam semua bidang termasuk sains dan teknologi;

(ii) membakukan ejaan dan sebutan dan membentuk istilah yang sesuai dalam bahasa kebangsaan;

(iii) menggalakkan penggunaan bahasa kebangsaan yang betul dan

(iv) menggalakkan penggunaan bahasa kebangsaan supaya dapat digunakan secara meluas bagi segala maksud mengikut undang-undang yang sedang berkuat kuasa.

Bagi maksud "menggalakkan", DBP berperanan memberikan "arahan, ulasan, nasihat, bantuan, bimbingan, latihan atau pengawasan." Bagi memperkasa bahasa kebangsaan, Kerajaan bercadang untuk memperuntukan kuasa kepada DBP bagi membolehkannya mengambil tindakan kepada mana-mana pihak yang merendahkan kedaulatan bahasa kebangsaan, khususnya melalui pindaan Akta Dewan Bahasa dan Pustaka 1959 (Disemak 1978) [Akta 213].

SOALAN NO. (46)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN KHAIRY JAMALUDDIN BIN ABU BAKAR (REMBAU)

TARIKH : 10 MAC 2009 (SELASA)

SOALAN :

Y.B. TUAN KHAIRY JAMALUDDIN BIN ABU BAKAR (REMBAU) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan statistik bagi jumlah dan nilai projek terbengkalai negara terkini dan pandangan mengenai cadangan pelaksanaan sistem insurans pembinaan projek perumahan, sebagaimana yang dilaksanakan di New South Wales bagi memastikan sesuatu projek perumahan itu dapat disempurnakan sekiranya pemaju gagal menyiapkannya.

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tempoh 1990 sehingga Disember 2008, terdapat sejumlah 270 projek perumahan terbengkalai di Semenanjung Malaysia. Daripada jumlah tersebut, 126 projek telah disiapkan dengan Sijil Layak Menduduki, 29 projek sedang dalam pembinaan manakala 115 projek masih terbengkalai.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) akan meneliti dan mengkaji cadangan Ahli Yang Berhormat mengenai pelaksanaan sistem insurans pembinaan projek perumahan sepertimana yang dilaksanakan di New South Wales bagi mengenal pasti kesesuaiannya untuk dilaksanakan di Malaysia.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Mac 2009

NO: 47

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN (SELAYANG)

TARIKH : 10 MAC 2009

SOALAN : ~~25~~ 47.

Tuan William Leong Jee Keen (Selayang) minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah kriteria Kerajaan apabila sesetengah kenderaan dikecualikan daripada peraturan pemakaian tali pinggang keledar tempat duduk belakang.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Peraturan penggunaan tali pinggang keledar belakang telah dikuatkuasakan bermula 1 Januari 2009 melalui Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Tali Pinggang Keledar) (Pindaan) 2008. Walau bagaimanapun, pengecualian telah diberikan kepada kenderaan lama yang didaftarkan sebelum 1 Januari 1995. Ini kerana kebanyakan kenderaan yang didaftarkan sebelum tarikh ini, tidak dilengkapi dengan tali pinggang keledar serta *anchorage point* di tempat duduk belakang.

Tuan Yang Dipertua,

Kajian Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) menunjukkan bahawa 90% kenderaan-kenderaan persendirian yang didaftarkan selepas 1 Januari 1995 telah pun dilengkapi dengan tali pinggang keledar di tempat duduk belakang dan ini dijadikan sebagai justifikasi Kerajaan bagi menguatkuasakan peraturan tersebut bagi semua kenderaan persendirian yang didaftarkan selepas tarikh tersebut.

Di samping itu, Kerajaan juga telah pun memberi pengecualian bagi 110,000 buah kereta PERODUA model Kancil yang didaftarkan antara pertengahan tahun 1998 hingga pertengahan tahun 2004 kerana casis kenderaan berkenaan tidak dilengkapi dengan *anchorage point* di tempat duduk belakang maka adalah tidak selamat dipasang tali pinggang keledar belakang. Sementara itu, bagi mana-mana kenderaan yang telah siap dipasang dengan tali pinggang keledar di tempat duduk belakang, penumpang adalah diwajibkan memakainya bagi mengelakkan tindakan penguatkuasaan.

SOALAN NO: 48

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	:	**TUAN MOHD. ABDUL WAHID BIN ENDUT (KUALA TERENGGANU)**
PERTANYAAN	:	**LISAN**
TARIKH	:	**10.03.2009**

Tuan Mohd. Abdul Wahid bin Endut (Kuala Terengganu) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah wang royalti petroleum yang telah dibayar secara terus oleh Kerajaan kepada Kerajaan Negeri Terengganu, Sabah dan Sarawak dari tahun 2000 hingga 2008.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan telah menyalurkan secara terus peruntukan royalti petroleum kepada Kerajaan Negeri Terengganu sebanyak RM6.21 bilion, Kerajaan Negeri Sabah sebanyak RM2.81 bilion dan Kerajaan Negeri Sarawak sebanyak RM9.89 bilion dari tahun 2000 hingga 2008.

SOALAN NO: 49

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	:	**TUAN ABD. RAHMAN BIN BAKRI (SABAK BERNAM)**
PERTANYAAN	:	**LISAN**
TARIKH	:	**10.03.2009**

Tuan Abd. Rahman bin Bakri (Sabak Bernam) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah pihak Kerajaan bercadang untuk menyediakan lebih banyak kemudahan perkhidmatan perbankan (ATM) di kawasan-kawasan stesen minyak di kawasan luar bandar khususnya di Sabak Bernam, yang mana bilangan pengguna ramai, tetapi kemudahan ATM agak jauh dari kawasan-kawasan pekan sahaja.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Bank Negara Malaysia sentiasa menggalakkan institusi perbankan untuk membuka cawangan di kawasan luar bandar. Sehubungan itu, Bank Negara Malaysia mengambil maklum permintaan Y.B. Sabak Bernam untuk menyediakan kemudahan perkhidmatan ATM di kawasan Sabak Bernam dan akan mempelawa institusi perbankan untuk membuka terminal elektronik di kawasan tersebut.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

Pertanyaan : **LISAN**

Daripada : **DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR**
[POKOK SENA]

Tarikh : **SELASA, 10 MAC 2009**

SOALAN

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan apakah kriteria yang digunakan oleh Kerajaan dalam menentukan jenis bahan luar yang disiarkan stesen TV1 dan TV2 dan nyatakan berapa jenis bahan luar yang disiarkan oleh kedua-dua saluran tersebut dan apakah kategori bahan-bahan tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Terima kasih kepada YB Pokok Sena atas soalan yang dikemukakan. Kementerian Penerangan melalui RTM menyiarkan rancangan-rancangan luar negara berdasarkan kriteria seperti keperluan semasa dan kesesuaian program, di samping mengambil kira permintaan penonton. Terdapat beberapa jenis rancangan luar negara yang ditayangkan oleh RTM, contohnya majalah, dokumentari dan filem yang juga merupakan rancangan-rancangan informasi dan hiburan keluarga.

Soalan No: 51

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**Datuk Haji Mohamed Bin Haji Aziz [Sri Gading]**
TARIKH	:	**10 MAC 2009**
SOALAN	:	**51**

Datuk Haji Mohamed Bin Haji Aziz [Sri Gading] minta PERDANA MENTERI menyatakan bilakah pegawai-pegawai Kerajaan yang berstatus kontrak akan diserap sebagai pegawai tetap sedangkan mereka telah berkhidmat lebih 3 tahun dan telah menunjukkan prestasi yang cemerlang.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat,

2. Pegawai yang dilantik secara kontrak dalam perkhidmatan awam merujuk kepada pelantikan seseorang calon bagi tempoh tertentu berasaskan syarat yang dipersetujui bersama dan terdapat perjanjian kontrak yang ditandatangani antara kedua-dua belah pihak.

3. Terdapat tiga (3) kategori pengambilan pegawai kontrak iaitu:

(i) <u>Pengambilan pegawai kontrak yang diuruskan dan dipilih oleh Kementerian/Jabatan bagi menjalankan tugas atau projek khas dalam tempoh masa yang tertentu</u>:

Pelantikan mereka ini tidak melalui proses lantikan biasa kerana tempoh perkhidmatan pegawai akan ditamatkan

setelah tugas yang dijalankan telah selesai melainkan jika masih diperlukan untuk menjalankan tugasan yang lain. Mereka tergolong dalam kategori lantikan secara *Contract For Service* di mana pelantikan mereka berdasarkan keperluan perkhidmatan atau kepakaran semata-mata;

(ii) Pengambilan pegawai kontrak kerana jawatan itu tidak sesuai dilantik tetap:

Sebagai contoh bagi jawatan Artis Budaya seperti penari, tidak ramai yang berminat meneruskan perkhidmatannya memandangkan usia yang telah meningkat. Di samping itu, terdapat juga tugas-tugas lain yang bergantung sepenuhnya kepada tenaga fizikal. Mereka dilantik secara *Contract Of Service* menggunakan peruntukan Objek Sebagai 29000 dan tidak mengisi jawatan tetap; dan

(iii) Pengambilan pegawai kontrak bagi calon-calon yang berdaftar dengan SPA dan melalui persaingan terbuka (*open competition*) seperti peperiksaan dan temu duga:

Mereka ini dilantik berdasarkan waran perjawatan dan mengisi jawatan tetap atau sementara dan emolumen dibayar mengikut peruntukan Objek Sebagai 11000. Bagi pegawai yang dilantik dalam kategori *Contract Of Service* ini, mereka akan ditawar ke jawatan tetap sekiranya terdapat kekosongan jawatan tetap dalam skim berkenaan tanpa perlu menghadiri temu duga buat kali kedua.

NO: 52

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

SOALAN 52

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli (Kuala Krai)

TARIKH : 10 MAC 2009

SOALAN : **YB Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli [Kuala Krai]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan langkah-langkah konkrit yang diambil Kerajaan dalam melaksanakan resolusi tentang Palestin yang diputus Dewan Rakyat 12 Januari 2009.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Saya dengan izin ingin menjawab secara serentak soalan-soalan yang diajukan oleh YB Kuala Krai pada 10 Mac 2009 dan YB Kuala Kedah pada 19 Mac 2009.

2. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, sejajar dengan penerimaan Usul yang telah dibahaskan oleh Dewan Yang Mulia ini pada 12 Januari 2009 yang lalu, langkah-langkah bersepadu telah dilaksanakan oleh Kerajaan untuk membantu rakyat Palestin di Gaza adalah seperti berikut;

(i) mengutus surat kepada Presiden Perhimpunan Agung PBB supaya menyambung Mesyuarat Ke-32 Sesi Tergempar Khas Perhimpunan Agung PBB (UNGA) Ke-10. Mesyuarat tersebut telah diadakan pada 15 dan 16 Januari 2009 berikutan kegagalan perlaksanaan Resolusi Majlis Keselamatan PBB 1860(2009);

(ii) mengutus surat surat kepada pemimpin-pemimpin negara-negara OIC, NAM, pemimpin-pemimpin negara Ahli Tetap Majlis Keselamatan PBB dan tokoh-tokoh ternama dunia supaya bertindak untuk menghentikan serangan Israel di Gaza dan mendesak PBB mengadakan mesyuarat Sesi Sesi Tergempar Khas Perhimpunan Agung PBB (UNGA) Ke-10;

(iii) Kerajaan telah mengeluarkan sumbangan sebanyak USD1 juta melalui MERCY Malaysia untuk disalurkan kepada rakyat Palestin di Gaza;

(iv) Kerajaan telah mengaktifkan kembali Tabung Amanah Kemanusiaan Rakyat Palestin dan dilancarkan pada 8 Januari 2009 lalu untuk mengutip sumbangan daripada orang ramai. Kutipan ke Tabung tersebut telah dihebahkan di media-media massa tempatan;

(v) memberi kerjasama dengan badan-badan NGO-NGO di Malaysia yang berkhidmat di Gaza untuk membantu rakyat Palestin termasuk menganjurkan *road show* bersama NGO Malaysia di dalam dan di luar negeri bagi menggerakkan kempen menjenayahkan perang di negara-negara yang dikenal pasti;

(vi) Menyertai persidangan-persidangan dan mesyuarat-mesyuarat antarabangsa mengenai isu Palestin dan bantuan untuk pembangunan semula Gaza; dan

(vii) Berusaha untuk mencari jalan bagaimana tindakan kejam Israel itu boleh dihadapkan ke Tribunal Jenayah Antarabangsa.

SOALAN NO: ~~78~~ 53

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN JAWAB LISAN

TARIKH: 10.03.2009

SOALAN : DATO' LILAH BIN YASIN minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perancangan istimewa FELDA bagi menjadikan warga peneroka lahir sebagai golongan berpendapatan pertengahan dan berapakah nilai pendapatan golongan ini sebulan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selaras dengan hasrat menjadikan warga peneroka sebagai golongan berpendapatan pertengahan, FELDA sentiasa membuat perancangan rapi bagi memastikan peneroka mendapat pendapatan yang maksimum.

Antara strategi yang dilaksanakan oleh FELDA adalah melaksanakan dan menerapkan Amalan Pertanian Baik (GAP) di kebun peneroka supaya produktiviti dapat ditingkatkan. Tanaman sawit dan getah yang tidak lagi produktif ditanam semula dan teknologi baru diperkenalkan di kebun peneroka. Benih bermutu dan terbaik ditanam supaya potensi hasil dapat dimaksimumkan.

Pusat bioteknologi FELDA di Enstek, Nilai, Negeri Sembilan mempunyai kemudahan *tissue culture* sawit terbesar di dunia dan boleh menghasilkan satu juta klon setahun dan dijangka meningkat kepada tiga (3) juta setahun menjelang 2010. Klon yang dihasilkan ini

berpotensi menghasikan minyak lapan (8) ton per hektar berbanding empat (4) ton per hektar pada masa ini.

Selain dari itu, FELDA turut menggalakkan peneroka untuk melibatkan diri dalam aktiviti sampingan sebagai usaha menambah pendapatan selain aktiviti kebun.

Program keusahawanan dipergiatkan meliputi program pembangunan kraf, ternakan dan asas tani, industri makanan, perniagaan, perkhidmatan dan perusahaan kecil. Pembangunan industri kraf memberi tumpuan kepada persediaan produk untuk tujuan eksport. Fokus pembangunan industri makanan ialah meningkatkan kualiti produk makanan bagi pasaran *hypermarket* dan eksport.

Bagi menyokong pembangunan usahawan di FELDA, sejumlah RM100 juta disediakan untuk pinjaman Skim Insentif Usahawan FELDA (SIUF). Sehingga ini seramai 36,310 usahawan di kalangan warga FELDA telah dilahirkan dengan purata pendapatan RM2,024 seorang.

Selain itu, FELDA turut melaksanakan program *edible garden* yang melibatkan semua peneroka di 317 buah rancangan secara berperingkat. Program ini dilaksanakan di perkarangan rumah peneroka dan kawasan kosong di tanah rancangan melibatkan penanaman sayur-sayuran, buah-buahan dan lain-lain jenis tanaman seperti ulam-ulaman, jagung, halia, herba, sengkuang, peria, cili api, ubi dan sebagainya. Melalui program ini, Kerajaan berharap dapat memenuhi keperluan isi rumah selain menjana pendapatan tambahan seramai 112,635 peneroka. Program ini juga diharap dapat mengurangkan perbelanjaan dapur para peneroka.

Untuk makluman Ahli yang berhormat, pendapatan purata peneroka pada tahun 2008 bagi tanaman sawit adalah RM3,284, manakala bagi getah adalah RM3,183. Pada bulan Januari 2009, purata pendapatan peneroka sawit adalah RM1,561 dan getah adalah RM1,915. Penurunan ini adalah disebabkan harga komoditi yang jatuh merosot sejak September 2008 berikutan krisis ekonomi global.

----------XXX----------

SOALAN NO: 54

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	:	**DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG (MARANG)**
PERTANYAAN	:	**LISAN**
TARIKH	:	**10.03.2009**

Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang (Marang) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimanakah cara dan mekanisme penentuan dan pengkelasan kaunter-kaunter yang halal dalam pasaran kewangan oleh Suruhanjaya Sekuriti di Malaysia. Sejauh mana perkembangannya dari tahun ke tahun.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Majlis Penasihat Syariah (MPS) Suruhanjaya Sekuriti (SC) merupakan badan yang bertanggungjawab dalam penentuan status patuh Syariah bagi setiap instrumen pasaran modal Islam di Malaysia. Ahli-ahli MPS terdiri daripada pakar-pakar Syariah, pakar perundangan dan ekonomi. Kepatuhan Syariah bagi instrumen pasaran modal Islam adalah seperti berikut:

A) Saham patuh Syariah di Bursa Malaysia

Dalam mengklasifikasikan status Syariah saham-saham syarikat tersenarai ini, MPS menggunakan kriteria-kriteria tertentu yang dibentuk berasaskan sumber hukum yang utama iaitu al-Quran dan Sunnah serta sumber-sumber hukum lain yang menjadi asas ijtihad ulama.

Fokus utama adalah kepada aktiviti teras sesebuah syarikat tersebut. Saham sesebuah syarikat akan diklasifikasikan sebagai tidak patuh Syariah sekiranya syarikat menjalankan aktiviti teras yang tidak selaras dengan Syariah seperti berikut:

i. Perkhidmatan kewangan yang berteraskan *riba* (faedah);
ii. Perjudian dan pertaruhan;
iii. Pengeluaran atau penjualan barangan yang tidak halal atau barangan yang berkaitan;
iv. Insurans konvensional;
v. Aktiviti hiburan yang tidak selaras dengan Syariah;
vi. Pengeluaran atau penjualan barangan yang berasaskan tembakau atau barangan yang berkaitan;
vii. Pembrokeran atau jual beli sekuriti tidak patuh Syariah; dan
viii. Aktiviti lain yang didapati tidak selaras dengan Syariah.

Namun begitu, kebanyakan syarikat tersenarai di Bursa Malaysia menjalankan aktiviti bercampur antara aktiviti patuh dan tidak patuh Syariah. Justeru, MPS menetapkan beberapa tanda aras

tertentu sebagai ukuran secara kuantitatif untuk mengukur tahap sumbangan pendapatan daripada aktiviti tidak patuh Syariah. Sekiranya sumbangan pendapatan aktiviti tidak patuh Syariah berbanding pendapatan keseluruhan syarikat melebihi dari tanda aras yang ditetapkan, saham syarikat tersebut akan diklasifikasikan sebagai saham tidak patuh Syariah.

Sekiranya sumbangan pendapatan daripada aktiviti tidak patuh Syariah berada di bawah tanda aras yang ditetapkan, ini bermakna sebahagian besar daripada aktiviti syarikat adalah patuh syariah, manakala aktiviti tidak patuh adalah kecil dan sumbangan pendapatannya tidak signifikan. Dengan itu, saham syarikat tersebut akan diklasifikasikan sebagai saham patuh Syariah.

B) Dana Unit Amanah Islam *(Islamic Unit Trust Fund)* dan Dana Dagangan Bursa *(Islamic Exchange Traded Fund (ETF))*

Penentuan kepatuhan Syariah bagi instrumen pelaburan tersebut adalah berdasarkan keperluan-keperluan yang ditetapkan dalam garispanduan instrumen berkenaan, terutamanya keperluan perlantikan penasihat Syariah untuk memastikan setiap pelaburan dan pengurusan dana tersebut adalah berlandaskan Syariah. Bagi dana unit amanah Islam dan juga Islamic ETF, secara umumnya, dana-dana ini perlu melabur dalam instrumen pelaburan patuh Syariah. Bagi pelaburan dalam pasaran ekuiti

dalam negara, senarai saham patuh Syariah oleh MPS SC adalah menjadi rujukan utama.

C) Sukuk

Untuk penerbitan sukuk atau bon Islam, SC telah menetapkan, penerbit sukuk mesti memenuhi keperluan-keperluan yang ditetapkan dalam garispanduan penerbitan sekuriti Islam. Seperti juga garispanduan-garispanduan instrumen kewangan Islam yang lain, perlantikan penasihat Syariah adalah menjadi keperluan utama untuk memastikan struktur dan prinsip Syariah yang digunakan adalah menepati kehendak Syara`.

2. Berkenaan perkembangan pasaran modal Islam, dari segi peratusan saham patuh Syariah adalah amat menggalakkan. Pada bulan April 2004, peratus saham patuh Syariah ialah 80% dan ia meningkat kepada 87% pada bulan November 2008. Bagi statistik sukuk korporat yang diluluskan oleh SC, dari segi peratusan nilai nominal sukuk yang diluluskan, ianya meningkat dari 32.1% pada tahun 2004 kepada 76.4% pada tahun 2007. Namun begitu, kesan krisis kewangan global menjejaskan perkembangan sukuk global. Malaysia juga tidak ketinggalan merasai kesannya, di mana nilai nominal keseluruhan bon korporat yang diluluskan oleh SC telah menurun. Sejajar dengan itu, nilai sukuk yang diluluskan telah berkurang kepada hanya RM43.2 billion pada tahun 2008 berbanding dengan RM121.3 billion pada tahun sebelumnya. Walau bagaimanapun, dalam pasaran hutang di Malaysia, nilai keseluruhan sukuk yang berada di pasaran *(outstanding)* adalah melebihi bon konvensional. Sehingga bulan

Disember 2008, nilai sukuk yang berada di pasaran ialah RM152.8 billion atau 57% dari nilai keseluruhan bon yang didagangkan di pasaran hutang.

3. Untuk memastikan perkembangan pasaran modal Islam terus berkembang dan memastikan kepatuhan Syariah, SC mengambil inisiatif untuk mendaftarkan penasihat-penasihat Syariah yang berkelayakan bagi memberi khidmat nasihat kepada industri pasaran modal Islam di Malaysia. Sehingga kini terdapat seramai 45 orang individu dan 8 buah syarikat yang berkelayakan telahpun didaftarkan. Selain itu, SC juga mengiktiraf penasihat-penasihat Syariah yang berdaftar dengan Bank Negara Malaysia untuk industri perbankan Islam dan takaful bagi memberi khidmat nasihat Shariah kepada industri pasaran modal Islam.

SOALAN NO: 55

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK RICHARD RIOT ANAK JAEM
[SERIAN]

TARIKH : 10 MAC 2009

RUJUKAN : 1570

SOALAN:

Datuk Richard Riot anak Jaem [Serian] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan memandangkan peranan yang dimainkan oleh anggota RELA dalam membantu mengawal kemasukan pendatang asing tanpa Izin (PATI) dan membantu menjaga keamanan dan kedamaian nyata berkesan, apakah rancangan Kementerian untuk membantu anggota-anggota RELA..

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Serian yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, rancangan yang diambil oleh Kementerian untuk membantu anggota-anggota RELA adalah seperti berikut :

i. Kerajaan telah memberikan **skim perlindungan insuran kelompok** percuma kepada 100,000 anggota RELA yang aktif menjalankan tugas operasi dan aktiviti RELA iaitu sebanyak RM 20.00 seorang setahun mulai tahun 2009.

ii. Menubuhkan **Tabung Amal Jariah RELA** di peringkat Ibu Pejabat bagi membantu anggota-anggota RELA yang ditimpa kemalangan, kematian dan apa-apa juga bencana bagi meringankan beban mereka.

iii. Membayar **elaun** kepada anggota RELA semasa menjalankan **operasi 'Ops Tegas' dan cegah jenayah serta operasi membantu pasukan keselamatan** yang lain. Kadar bayaran ialah RM 4.00 sejam bagi anggota dan RM 5.80 sejam untuk anggota berpangkat Ketua Platun dan Ketua Perhubungan RELA Mukim.

iv. **Menubuhkan Koperasi RELA** untuk melaksanakan aktiviti bagi kebajikan ahli.

v. Pemberian sebanyak dua pasang **pakaian seragam RELA kepada setiap anggota yang aktif** menyertai operasi dan tugas-tugas lain sebagai insentif di atas sumbangan mereka.

vi. Memperbanyakkan **kursus dan latihan** yang perlu kepada anggota RELA. Setakat ini terdapat 4 Pusat Latihan Wilayah iaitu di Sg. Udang, Melaka, Bkt Selambau Sg. Petani, Kedah, Kuala Berang, Hulu Terengganu dan Tuaran, Sabah. Satu lagi pusat latihan akan dibina di Sarawak. Modul-modul latihan juga dikaji dari masa ke semasa supaya bersesuaian dengan penugasan anggota-anggota RELA.

vii. **Meningkatkan Kemudahan Pengangkutan** dimana pada tahun 2008 sebanyak 31 buah kenderaan seperti lori, van telah dibekalkan menjadi kesemuanya sebanyak 409 buah

kenderaan dalam pasukan RELA yang digunakan untuk Operasi Tegas dan pelbagai aktiviti RELA diseluruh negara.

viii. **Menyediakan kemudahan peralatan operasi** seperti Walkei Talkie, cota, lampu picit dan sebagainya untuk digunakan semasa menjalankan tugas-tugas menangani Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) dan membantu pasukan keselamatan yang lain dalam operasi cegah jenayah, kawalan trafik dan kawalan orang ramai.

ix. **Penyusunan semula struktur organisasi** diperingkat Ibu Pejabat, Negeri dan Daerah. Pengisian jawatan-jawatan baru telah diisikan secara berperingkat-peringkat mulai 01 Oktober 2007 seramai 1089 perjawatan.

x. Kementerian ini sedang mengambil tindakan untuk menjadikan **RELA sebagai sebuah Jabatan Persekutuan** bagi memastikan peranan dan tugas-tugas pasukan RELA dilaksanakan dengan lebih teratur dan sempurna.

SOALAN NO: 56

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : TUAN CHUA TIAN CHANG (BATU)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 10.3.2009

TUAN CHUA TIAN CHANG (BATU) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan;

a) jumlah modal pelaburan oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dalam pasaran saham dari tahun 2006 hingga 2008 ; dan

b) berapakah jumlah hasil atau keuntungan daripada pasaran saham dari tahun 2006 hingga 2008

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, modal pelaburan terkumpul KWSP dalam pasaran saham pada tahun 2006 ialah RM54.9 bilion, tahun 2007 ialah RM66.27 bilion dan tahun 2008 dianggarkan sebanyak RM88.9 bilion.

2. Dari segi keuntungan pelaburan saham, jumlah keuntungan yang diperoleh KWSP ialah RM2.27 bilion pada tahun 2006, tahun 2007 sebanyak RM5.37 dan tahun 2008 dianggarkan sebanyak RM6.67 bilion.

No: 57

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK IR. EDMUND CHONG KET WAH (BATU SAPI)

TARIKH : 10 MAC 2009

SOALAN : 57.

Datuk Ir. Edmund Chong Ket Wah (Batu Sapi) minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status dan garis panduan peraturan penggunaan tali pinggang keledar belakang di Malaysia memandangkan agensi penguat kuasa termasuk pihak polis dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) telah mengalami masalah yang sama dalam menguatkuasakan peraturan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Peraturan penggunaan tali pinggang keledar belakang telah dikuatkuasakan mulai 1 Januari 2009 melalui Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Tali Pinggang Keledar) (Pindaan) 2008. Bagi tujuan menguatkuasakan peraturan ini, JPJ telah menyediakan garis panduan agar penguatkuasaan peraturan ini berjalan dengan lancar tanpa sebarang masalah. Pihak JPJ juga telah menyeragamkan tindakan penguatkuasaan peraturan tali pinggang keledar di tempat duduk belakang dengan pihak Polis bagi memastikan tindakan yang

diambil oleh kedua-dua agensi itu selaras dengan peraturan yang ditetapkan. Kedua-dua agensi ini belum menghadapi sebarang masalah dalam menguatkuasakan peraturan tersebut dan penguatkuasaan akan diteruskan bagi memastikan pengguna jalan raya mematuhi peraturan dan undang-undang yang ditetapkan. Sehingga 28 Februari 2009, pihak JPJ telah mengeluarkan 8,124 saman dan Polis sebanyak 239 saman atas kesalahan gagal mematuhi peraturan ini.

Tuan Yang Dipertua,

Garis panduan bagi menguatkuasakan peraturan pemakaian tali pinggang di tempat duduk belakang antara lain adalah seperti berikut:

(i) saman hanya dikeluarkan ke atas penumpang atau pemandu apabila dia tidak memasang tali pinggang keledar sekiranya kenderaan tersebut telah siap dipasang dengan tali pinggang keledar di tempat duduk belakang dan didaftarkan pada atau selepas 1 Januari 1995;

(ii) hanya penumpang yang berumur 17 tahun ke atas akan dikenakan saman;

(iii) bagi kenderaan yang didaftarkan pada atau selepas 1 Januari 1995, tanggungjawab untuk memasang tali pinggang keledar pada kenderaan terletak atas tuan punya kenderaan dan mereka diberi tempoh 3 tahun iaitu sehingga 31 Disember 2011 untuk memasang peralatan tersebut;

(iv) bagi menentukan tarikh pendaftaran kenderaan, dirujuk kepada pusat kawalan yang beroperasi secara 24 jam;

(v) di samping itu, pengecualian diberikan ke atas kenderaan-kenderaan dan golongan-golongan seperti berikut:

a. kenderaan yang didaftarkan sebelum 1 Januari 1995;
b. kenderaan yang didaftarkan selepas 1 Januari 1995 tetapi tidak dilengkapi dengan penambat binaan dalam (rear an
c. chorage points);
d. kenderaan yang mempunyai lebih daripada 8 tempat duduk tidak termasuk tempat duduk pemandu;
e. kenderaan barangan yang mempunyai had muatan barangan (BDM) melebihi 3.5 tan;
f. bayi dan kanak-kanak di bawah umur 10 tahun;
g. seseorang yang disahkan oleh dua orang pengamal perubatan berdaftar atas sebab-sebab kesihatan tidak boleh memakai tali pinggang keledar;
h. mana-mana orang yang dikecualikan oleh Menteri; dan
i. perempuan yang sarat mengandung.

Penguatkuasaan tali pinggang keledar di tempat duduk belakang adalah bertujuan untuk mengurangkan kecederaan dan kematian apabila berlaku kemalangan jalan raya. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab pemandu dan penumpang untuk mematuhi peraturan tersebut.

SOALAN NO. (58)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN (AMPANG)

TARIKH : 10 MAC 2009 (SELASA)

SOALAN :

Y.B. PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN (AMPANG) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah peraturan yang telah dan akan diwujudkan bagi memastikan bangunan-bangunan pencakar langit lebih hijau dan efisien dari penggunaan tenaga, air dan pengudaraan.

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) belum mengeluarkan peraturan khusus mengenai pembinaan bangunan pencakar langit lebih hijau dan efisien dari segi penggunaan tenaga, air dan pengudaraan. Walau bagaimanapun, pelbagai dasar yang digubal KPKT telah memberi perhatian kepada pemuliharaan persekitaran dan pembangunan mampan.

Untuk makluman lanjut Ahli Yang Berhormat, Dasar Perbandaran Negara yang menjadi teras utama dalam semua aktiviti perancangan dan pembangunan bandar telah dilancar oleh KPKT pada tahun 2006. Dasar ini antara lain telah memberi perhatian kepada konsep bangunan hijau di mana Teras 6 Dasar ini telah menggariskan penggunaan teknologi inovatif dalam perancangan, pembangunan dan pengurusan

perkhidmatan bandar bagi mengalakkan pembinaan bangunan mesra alam dengan konsep *green building* dan penggunaan tenaga yang efisien.

Sehubungan ini, KPKT bersama-sama dengan agensi Kerajaan lain seperti Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi (KTAK), Kementerian Kerja Raya dan lain-lain akan menggalakkan konsep kecekapan tenaga kepada industri pembinaan melalui kempen-kempen kesedaran dan pelaksanaan projek-projek perintis.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Mac 2009

Soalan No: 59

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEDUA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN ALEXANDER NANTA LINGGI (KAPIT)

TARIKH : 10.03.2009

SOALAN :

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah** menyatakan kaedah dan strategi yang diguna pakai bagi menentukan pembahagian atau taburan yang lebih saksama dan adil projek-projek pembangunan infrastruktur agar tiada kawasan atau wilayah, khasnya di pendalaman Sarawak, terkecuali dari menikmati manfaatnya.

JAWAPAN:

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian sentiasa prihatin dan berusaha supaya liputan dan taburan pembangunan infrastruktur di kawasan luar bandar adalah saksama terutamanya di kawasan pedalaman.

Untuk makluman Yang Berhormat, peruntukan untuk pelaksanaan Projek Jalan Kampung (PJK) dan Projek Ameneti Sosial (PAMS) diagihkan mengikut kawasan-kawasan Parlimen di seluruh negara termasuk di Sarawak. Bagi negeri Sarawak, selain keutamaan oleh Ahli Parlimen, senarai tersebut juga diselaraskan oleh Pejabat pembangunan Negeri Sarawak berdasarkan keutamaan projek-projek tersebut.

Bagi pelaksanaan projek Jalan Luar Bandar (JALB), senarai permohonan projek akan diselaraskan oleh pihak Berkuasa Kerajaan Negeri Sarawak

iaitu Unit perancang Ekonomi (UPEN). Senarai permohonan ini disusun mengikut keutamaan di mana setiap projek akan dinilai dari segi bilangan pengguna, potensi pembangunan dan sebagainya.

Bagi pelaksanaan Program Bekalan Air Luar Bandar(BALB), senarai projek adalah mengikut keutamaan Pihak Berkuasa Air Negeri (PBAN) atau Pejabat Pembangunan Negeri (PPN) berdasarkan skop yang ditetapkan.

Bagi pelaksanaan Program Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB), senarai projek adalah mengikut keutamaan Kementerian Kemudahan Awam Sarawak. Pengagihan projek dibuat berdasarkan keupayaan bekalan elektrik di satu-satu kawasan. Skop pembinaan projek BELB melibatkan pembinaan talian sehingga ke had maksimum 33kv.

SOALAN NO. 60.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]

TARIKH : 10 MAC 2009

SOALAN:

Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan pengundi berdaftar dan tidak berdaftar di setiap negeri, apakah strategi yang diambil untuk memaksimumkan pendaftaran termasuk menggantikan langkah- langkah yang selama ini telah gagal dengan tujuan untuk memaksimumkan pendaftaran.

JAWAPAN: **Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan pemilih berdaftar di seluruh negara sehingga 31 Disember 2008 adalah seramai 10,983,917 orang. Manakala berdasarkan maklumat terkini yang diterima oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Malaysia, jumlah warganegara Malaysia yang berumur 21 tahun ke atas yang masih belum mendaftar sebagai pemilih sehingga kini adalah seramai 3.7 juta orang berbanding tahun 2007 iaitu seramai 4.2 juta orang.

Dalam usaha memaksimumkan pendaftaran, pelbagai langkah yang telah diambil oleh SPR. Antara langkah- langkah yang telah diambil oleh SPR adalah seperti berikut:

a) Mengadakan program Hari Bertemu Pelanggan pada setiap bulan di seluruh Malaysia melalui Pejabat Pilihan Raya Negeri,

b) Menganjurkan program *Outreach* di tempat- tempat awam di seluruh negara dari semasa ke semasa bagi membolehkan warganegara yang layak mendaftar sebagai pemilih dan

pemilih yang telah mendaftar membuat pertukaran alamat pusat mengundi dengan mudah,

c) Membuka kaunter pendaftaran melalui Pejabat Pos berkomputer di seluruh negara; dan

d) Melantik Penolong Pendaftar dari kalangan wakil parti politik dan agensi- agensi kerajaan bagi membantu SPR mendaftarkan warganegara Malaysia yang layak.

Melalui usaha- usaha yang telah dilaksanakan seperti di atas, semua golongan masyarakat digalakkan dan didedahkan mengenai hak dan tanggungjawab untuk mendaftar sebagai pemilih bagi membolehkan mereka mengambil bahagian dalam sesuatu pilihan raya serta menunaikan hak dan tanggungjawab sebagai pengundi.

Sekian, terima kasih.

Soalan No : 61

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**Y.B. TUAN HASBI BIN HABIBOLLAH (LIMBANG)**
TARIKH	:	**10.03.2009**

SOALAN:

Y.B. TUAN HASBI BIN HABIBOLLAH [LIMBANG] minta Menteri Pelajaran menyatakan bilakah pihak Kementerian akan memasang generator ke sekolah-sekolah pedalaman Sarawak kerana masih ada lagi sekolah yang belum dibekalkan daripada program pemasangan tahun 2007/2008.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa mendapatkan maklumbalas daripada Jabatan Pelajaran Sarawak (JPS) berhubung dengan bilangan sekolah yang memerlukan bekalan set generator. Daripada maklumbalas tersebut, pihak JPS telah menyenaraikan 429 buah sekolah di kawasan pedalaman Sarawak yang perlu dibekalkan dengan bekalan elektrik. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 374 buah sekolah telah dibekalkan dengan set generator. Sementara 55 buah sekolah lagi telah dan masih menunggu untuk disambungkan dengan talian elektrik awam (SESCO). Namun demikian, demi memastikan tiada sekolah yang tercicir untuk menikmati kemudahan asas ini, pihak Ahli Yang Berhormat juga dipohon untuk mengemukakan nama sekolah-sekolah yang masih lagi tidak mendapat kemudahan bekalan elektrik untuk diambil tindakan sewajarnya.

SOALAN NO: 62

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	:	**DATO' MUKHRIZ BIN TUN DR. MAHATHIR (JERLUN)**
PERTANYAAN	:	**LISAN**
TARIKH	:	**10.03.2009**

Dato' Mukriz bin Tun Dr. Mahathir (Jerlun) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menghidupkan semula perbincangan secara terperinci dengan Negara-negara OIC, NAM dan ASEAN mengenai penggunaan mata wang Dinar Emas memandangkan kebergantungan ekonomi dunia kepada Dollar Amerika antara punca ekonomi merudum masa ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Bank Negara Malaysia telah bekerjasama rapat dengan Bank Pembangunan Islam (IDB) untuk menarik minat negara anggota Pertubuhan Persidangan Negara-Negara Islam (OIC) terhadap mekanisme Pengaturan Pembayaran Perdagangan berasaskan Emas atau *Gold-based Trade Payment Arrangement* (GTPA) bagi pembayaran dan penjelasan perdagangan

antarabangsa. Walau bagaimanapun, kebanyakan daripada negara-negara OIC tidak dapat menerima mekanisme GTPA disebabkan halangan perundangan dalam sistem perundangan dan perlembagaan negara masing-masing yang menyebabkan negara-negara berkenaan tidak dapat memberikan jaminan kerajaan (*sovereign guarantee*), seperti yang diperlukan di bawah mekanisme GTPA.

SOALAN NO: 63

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MANIKAVASAGAM A/L SUNDARAM [KAPAR]

TARIKH : 10 MAC 2009

RUJUKAN : 1565

SOALAN :

Tuan Manikavasagam A/L Sundaram [Kapar] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil untuk memastikan pegawai polis tidak menyeksa tahanan melampaui batasan dan apakah Kementerian bercadang untuk mewujudkan sebuah jawatankuasa bebas.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Kapar yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, sebagai sebuah agensi penguatkuasaan undang-undang, PDRM sentiasa mengutamakan kepentingan menghormati undang-undang. Oleh yang demikian, setiap pengambilan bagi jawatan anggota dan pegawai sama ada Konstabel, Inspektor Percubaan atau Kadet ASP akan menjalani latihan asas selama 6 bulan di pusat latihan polis. Di antara penekanan yang diberikan dalam modul latihan tersebut ialah memahami, menghayati dan menghormati undang-undang negara. Kesimpulannya, secara asasnya, semua pegawai polis telah dilatih untuk memiliki kefahaman untuk menghormati hak-hak asasi manusia termasuk kepada orang tahanan.

Tuan Yang Dipertua,

Pihak Kementerian yakin dan percaya, melalui pematuhan kepada undang-undang seperti Seksyen 15 Kanun Tatacara Jenayah berhubung cara-cara penangkapan dan larangan penggunaan kekerasan yang berlebihan akan dapat mencegah daripada berlakunya kes-kes orang tahanan diseksa atau didera. Seksyen 20

Kanun Tatacara Jenayah juga memperuntukkan peraturan atau cara-cara memeriksa orang yang ditangkap dan Seksyen 20A Akta yang sama turut memperuntukkan prosedur mengenai pemeriksaan orang yang hendak dimasukkan ke dalam lokap.

Tuan Yang Dipertua,

Ketua Polis Negara juga telah mengeluarkan arahan supaya lawatan rutin oleh Ketua Polis Balai ke atas lokap hendaklah diadakan pada setiap hari. Di samping itu, pegawai-pegawai kanan polis di daerah-daerah juga diberikan tanggungjawab untuk melawat lokap-lokap di kawasan masing-masing mengikut giliran. Arahan juga telah dikeluarkan supaya dalam setiap sesi soal siasat, seorang pegawai kanan dimestikan hadir sebagi penyelia. Sebagai usaha penambahbaikan pada masa akan datang, semua sesi soal siasat yang dijalankan oleh pihak polis akan dirakamkan dan disimpan sebagai rekod.

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian yakin melalui pelaksanaan langkah-langkah tersebut, kes-kes orang tahanan yang diseksa oleh polis akan dapat ditangani dan dicegah. Sehubungan dengan itu, Kementeran tidak bercadang untuk mewujudkan sebuah jawatankuasa bebas bagi menyiasat kes-kes polis menyeksa orang tahanan kerana dalam dua kejadian yang melibatkan Prabakar A/L Bala Krishna yang telah disiram dengan air panas, 6 orang anggota polis yang terlibat telah dituduh, sementara

bagi kes A. Kugan pula, siasatan masih lagi belum dapat dilengkapkan sehinggalah semua laporan pakar diperolehi.

SOALAN NO: 64

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**TUAN SIVARASA A/L K. RASIAH [SUBANG]**
TARIKH	:	**10 MAC 2009**
RUJUKAN	:	**1567**

SOALAN :

Tuan Sivarasa A/L K. Rasiah [Subang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilakah Kementerian akan pastikan nisbah semasa polis kepada penduduk 1:1500 (anggaran) di daerah Polis Damansara, Selangor kepada nisbah yang disyorkan kepada Interpol iaitu satu anggota polis kepada 250 orang (1:250).

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Subang yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, pihak polis sedang berusaha untuk menambah perjawatan keanggotaan di seluruh negara. Bagi negeri Selangor, sebanyak 55 buah balai polis di Kontinjen Selangor akan dinaik taraf bagi menampung pertambahan jawatan seperti yang dicadangkan di bawah Pelan Strategik 5 Tahun PDRM (PS5T PDRM 2007-2011). Melalui pertambahan tersebut, beban tugas pegawai dan anggota di kawasan-kawasan termasuk Damansara akan dapat dikurangkan disamping mendekatkan jurang nisbah anggota polis dan penduduk di negeri Selangor.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi Balai Polis Damansara, sebanyak 87 perjawatan baru akan ditambah kepada perjawatan sedia ada iaitu 53 perjawatan menjadikan jumlah keseluruhan perjawatan baru sebanyak 140 perjawatan. Berdasarkan kepada anggaran pertambahan penduduk sebanyak 90,000 orang, ini menjadikan nisbah polis kepada penduduk di kawasan daerah Damansara ialah 1:643 orang.

SOALAN NO : 65

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ [SUNGAI SIPUT]**
TARIKH	:	**10 MAC 2009**
SOALAN	:	

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah kaedah yang akan digunakan untuk mengenal pasti kesan Skim *Full Paying Patient* di Hospital Selayang terhadap tugas pakar melakukan ward-rounds di wad umum, mengadakan sesi perbincangan dengan doktor yang sedang berlatih, dan melibatkan diri dalam pembedahan untuk pesakit yang tidak membayar.

Tuan Yang di-Pertua,

Pakar adalah bertanggungjawab sepenuhnya kepada rawatan dan penjagaan pesakit di bawah jagaannya, samada pesakit dibawah Skim *Full Paying Patient* / Perkhidmatan Pesakit Bayar Penuh (PPBP) atau pesakit-pesakit lain. Komitmen Pakar PPBP terhadap perkhidmatan ini tidak boleh menjejaskan perkhidmatannya kepada pesakit biasa yang lain. Perkhidmatan Pesakit Bayar Penuh diadakan

setelah komitmen kepada pesakit lain selesai sebagai contoh selepas waktu kerja dan sebagainya. Keutamaan dalam mendapatkan rawatan adalah mengikut keperluan klinikal pesakit. Pakar PPBP mesti memastikan tahap profesionalisma yang tinggi pada setiap masa.

Bagi memastikan pakar yang terlibat dalam Skim PPBP tidak menjejaskan perkhidmatan mereka kepada pesakit lain, kaedah yang akan digunakan ialah dengan mengadakan kajian kepuasan pelanggan yang akan melibatkan responden seperti pesakit di wad biasa dan pesakit dalam Skim PPBP termasuk juga mengambil pandangan dari paramedik serta doktor-doktor lain.

Disamping itu juga, pihak hospital akan memantau dan memastikan pembedahan elektif untuk pesakit skim PPBP diadakan pada hari Sabtu, supaya *OT Time* bagi pesakit biasa tidak terjejas.

Bagi memastikan pakar yang terlibat dalam Skim PPBP tidak menumpukan sepenuh masanya kepada skim ini, kaedah yang digunakan adalah *capping* kepada pendapatan. Pihak Kementerian menyediakan syarat dimana hanya pakar warganegara Malaysia yang telah berkhidmat selama 3 tahun setelah diwartakan sebagai pakar dan bagi pakar dengan subkepakaran sebaik sahaja telah diwartakan, layak menyertai Skim PPBP. Ini bermakna tidak semua pakar di hospital akan terlibat dalam Skim PPBP. Dengan itu pemberian perkhidmatan kepada pesakit tidak akan terjejas.

SOALAN NO: 66

PARLIMEN MALAYSIA

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**Dr. Mujahid Bin Haji Yusof Rawa (Parit Buntar)**
TARIKH	:	**10 MAC 2009 (SELASA)**
SOALAN	:	**Dr. Mujahid Bin Haji Yusof Rawa (Parit Buntar)** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan usaha membantu industri makanan laut sejuk beku yang terjejas akibat Kesatuan Eropah menyekat kemasukan produk makanan laut sejuk beku baru-baru ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Pihak kerajaan sedang melaksanakan usaha-usaha untuk membantu industri makanan laut yang terjejas akibat Kesatuan Eropah menyekat kemasukan produk sejuk beku. Usaha-usaha tersebut termasuklah penyediaan pinjaman modal kepada pengusaha terbabit, penyediaan infrastruktur dan pengisian jawatan kepada *Competent Authorithy* bagi melakukan pemantauan yang lebih berkesan.

Selain itu, *Fish and Veterinary Office (FVO) (Kesatuan Eropah) Audit Inspection* dijadualkan akan ke Malaysia untuk menjalankan audit pematuhan. Pengeksportan makanan laut Negara ke Eropah hanya boleh diteruskan selepas pemeriksaan audit ini mendapati pihak berkuasa dan industri di Malaysia boleh/ telah mematuhi peraturan yang ditetapkan.

Sekiranya audit oleh FVO ini mendapati pihak berkuasa dan industri telah melaksanakan syor-syor daripada FVO *Final Report* sebelum ini, pihak industri perlu menunggu penyenaraian semula Malaysia sebagai pengeksport makanan laut ke Eropah sebelum boleh mengeksport produk makanan laut ke Eropah.

SOALAN NO. 67

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN *DEWAN RAKYAT*

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**Y.B. Tuan Haji Ahmad bin Kasim [Kuala Kedah]**
TARIKH	:	**10 Mac 2009 [Selasa]**
SOALAN	:	**Y.B. Tuan Haji Ahmad bin Kasim [Kuala Kedah]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan mengenai peruntukan dan perancangan untuk mengatasi masalah banjir di kawasan Pengairan Muda (MADA) yang merupakan kawasan utama padi negara.

Tuan Yang Dipertua,

1. Kawasan MADA telah mengalami 5 kejadian banjir di antara tahun 2003 hingga 2008 seperti berikut.

Tahun	Luas Kawasan Terlibat
2003	9,294.80 hektar
2005	13,870.31 hektar
2006	8,303.57 hektar
2007	5,193.15 hektar
2008	11,347.18 hektar

2. Bagi menangani masalah banjir ini, pada tahun 2006, MADA telah membuat kajian menyeluruh masalah banjir di Kawasan MADA. Kajian ini telah dilakukan pada tahun 2006 oleh Jabatan Pengairan dan Saliran. Hasil daripada kajian ini dicadangkan dua saluran Lencongan Sungai Baru dan Lencongan Sungai Limau dibina. Kos terllibat ialah sebanyak RM985 juta termasuk kos pengambilan tanah sebanyak RM536 juta.

3. Di samping itu dalam jangka masa pendek MADA telah memperdalamkan dan membaik pulih sungai-sungai dan saluran-saluran air dan meninggikan ban yang rendah. Kerja-kerja ini telah dimulakan pada 2006 dan dijangka siap pada tahun 2009. Peruntukan sebanyak RM23.5 juta disediakan. Dijangka seramai 5,000 orang petani-petani yang terlibat dalam banjir akan mendapat manfaat daripada projek ini.

SOALAN NO: 68

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN CHONG CHING JEN

TARIKH: 10 MAC 2009

SOALAN:

Y.B. TUAN CHONG CHING JEN [Bandar Kuching] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan berapa kadar pengangguran di Sarawak dalam tahun 2008 dan kadar pengangguran yang dijangka dalam tahun 2009. Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah pengangguran ini.

PR-1221-L17908

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kadar pengangguran di Sarawak pada suku tahun ketiga (Q3/ 2008) adalah 4.5% berbanding tempoh yang sama iaitu 4.0% (Q3/2007). Walau bagaimanapun, kadar pengangguran dalam tahun 2009 dijangkakan akan menunjukkan sedikit peningkatan akibat kesan ekonomi global yang kesannya turut dirasai di Sarawak.

Di antara langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Sumber Manusia untuk membantu dalam mengurangkan kadar pengangguran di Sarawak adalah seperti berikut:

a) Mendaftar pencari kerja yang mengganggur oleh pejabat Jabatan Tenaga Kerja Sarawak dan Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) di Negeri Sarawak,

b) KSM akan menubuhkan 4 pejabat Tenaga Kerja baru di Sarawak iaitu di Kota Samarahan, Mukah, Saratok dan Lawas pada tahun ini.

c) KSM juga akan menubuhkan 3 Kios *Community-Based Employment Support Services (CESS)* di tempat-tempat awam iaitu di Kuching, Miri dan Sibu.

d) Pencari kerja juga boleh mendaftarkan dengan Jabatan Tenaga Kerja Sarawak melalui portal *JobsMalaysia.*

e) Menganjurkan Program Penempatan Pekerjaan di peringkat negeri Sarawak dengan menyediakan kemudahan untuk majikan mengadakan temuduga terbuka di samping memberi bimbingan kerjaya kepada pencari kerja. Program yang dirancangkan sehingga pertengahan tahun 2009 adalah seperti berikut;

Tarikh	**Tempat**
28 dan 29 Mac 2009	Kuching
25 dan 26 April 2009	Miri
16 dan 17 Mei 2009	Sibu
27 dan 28 Jun 2009	Bintulu

f). Pencari kerja yang berminat untuk mendapat latihan akan diberi peluang untuk mengikuti program latihan yang ditawarkan oleh Institut Latihan Perindustrian Kota Samarahan dan Miri, Sarawak;

g). Pekerja yang diberhentikan kerja boleh mendapatkan latihan semula melalui program latihan dan penempatan semula (*train and place programme*) mengikt keperluan jawatan baru yang akan bermula pada bulan Mac 2009; dan

h.) Selain itu, Kementerian juga sentiasa mengawalselia penggajian pekerja bukan pemastautin agar peluang diberikan terlebih dahulu kepada pencari kerja tempatan sebelum majikan mengambil pekerja asing untuk bekerja.

NO: 69

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : Dato' Ibrahim bin Ali [Pasir Mas]

TARIKH : 10 Mac 2009 (Selasa)

SOALAN : ~~66~~

Dato' Ibrahim bin Ali [Pasir Mas] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah Kerajaan bersedia menaik taraf Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Pengkalan Chepa, Kelantan sebagai lapangan terbang antarabangsa agar sama taraf dengan Lapangan Terbang Bayan Lepas, Pulau Pinang kerana Kelantan adalah negeri Pantai Timur yang berdekatan dengan negara Asean seperti Thailand, Vietnam, Cambodia, Laos, Myanmar dan Medan (Indonesia) dan juga negara China.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Pasir Mas, buat masa ini Kementerian Pengangkutan masih belum merancang untuk menaik taraf Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Pengkalan Chepa, sebagai sebuah lapangan terbang antarabangsa. Namun begitu, jika sekiranya terdapat permintaan daripada mana-mana syarikat penerbangan tempatan untuk mengadakan perkhidmatan dari Kota Baharu ke destinasi antarabangsa ataupun terdapat permohonan dari syarikat penerbangan asing untuk operasi mereka ke Kota Bharu, maka Kementerian akan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk menjadikan lapangan terbang tersebut sebagai sebuah lapangan terbang antarabangsa.

SOALAN NO: 70

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	:	**DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM**
PERTANYAAN	:	**MULUT**
TARIKH	:	**10.03.2009**

Dato' Seri Anwar Bin Ibrahim minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan impak terhadap pendapatan Negara sejak penurunan harga minyak mentah dan nyatakan sama ada Kerajaan akan mengkaji semula projek-projek mega berikutan berkurangnya pendapatan Negara dan implikasi kemelesetan ekonomi sekarang.

Jawapan:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman yang Berhormat, meskipun hasil Kerajaan menurun sedikit kesan daripada kejatuhan harga komoditi yang mendadak, namun Kerajaan akan melaksanakan semua projek-projek yang telah dirancang untuk pembangunan negara dan memastikan kesejahteraan rakyat di bawah RMK9 dan Pakej Ransangan Ekonomi. Dalam hal ini, peruntukan pembangunan yang mencukupi telah disediakan dalam Bajet 2009.

Soalan:71

SIDANG DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEDUA BELAS

PERTANYAAN : LISAN

Daripada : Y.B TUAN SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL [MACHANG]

Tarikh : 10 MAC 2009

Minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan punca mengapa banyak projek R&D yang dilaksanakan di bawah RMK-7, RMK-8 dan RMK-9 mempunyai potensi pengkomersilan *(commercialization potential)* yang rendah dan apa langkah-langkah proaktif yang dilakukan Kerajaan untuk mengatasinya.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek-projek penyelidikan yang dijalankan dalam RMK-7, RMK-8 dan RMK-9 adalah usaha untuk menggalakkan penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam negara yang secara langsung menyumbang kepada pembentukan sebuah negara maju menjelang tahun 2020.

- Walau bagaimanapun, tumpuan penyelidikan yang menjurus kepada penyelidikan semata-mata dalam RMK-7 dan RMK-8 serta kurang kesedaran di pihak penyelidik mengenai kepentingan pengkomersilan produk akhir daripada R&D adalah dikenal pasti sebagai faktor utama yang menyumbangkan kepada potensi pengkomersilan yang rendah.

- Di samping itu, tumpuan penyelidikan kepada penerbitan kertas kerja semata-mata tanpa memikirkan samada produk yang dihasilkan itu boleh dikomersilkan atau tidak juga merupakan faktor yang lain yang menyumbang kepada potensi pengkomersilan yang rendah.
- Faktor lain yang menyumbang kepada potensi pengkomersilan yang rendah ialah struktur unit pengkomersilan di institut penyelidikan/ IPT yang kurang mantap serta personel yang kurang mahir dalam urusan perniagaan atau pemasaran.
- Ini ditambah dengan proses pendaftaran paten yang mahal serta mengambil masa yang panjang menyumbang kepada potensi pengkomersilan yang rendah.
- Di samping itu, wujud juga jurang mengenai status produk yang sedia ada untuk dikomersilkan di mana produk berkenaan kebanyakannya masih di peringkat prototaip yang memerlukan belanja yang banyak bagi tujuan pengkomersilan.

Namun demikian, dalam RMK-9, elemen pengkomersilan telah dititik beratkan di mana projek penyelidikan yang diluluskan pembiayaannya oleh Kerajaan perlu juga mengambil kira aspek pengkomersilannya (R&D+C).

Dalam usaha untuk mengatasi perkara ini, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) telah menyediakan beberapa langkah seperti berikut:

i) melahirkan persekitaran pengkomersilan yang kondusif dengan kerjasama agensi MOSTI seperti SIRIM, MIGHT dan TPM serta MIMOS melalui program *business matching/ technology preview* sebagai platform untuk menemukan pemilik teknologi dengan pihak industri;

ii) menggalakkan aplikasi teknologi utama yang lebih didorong oleh pasaran dengan penggubalan Model Inovasi Negara pada tahun 2007. Model ini menggalakkan perolehan teknologi terkini dari luar agar dapat *'leap frog'* dalam penggunaan teknologi terkini;

iii) menyediakan sumber pembiayaan dan dasar yang bersesuian;

iv) meningkatkan kerjasama antara industri, Kerajaan dan RI/ IPT;

v) menambah kepakaran pengkomersilan dan keberkesanan dalam unit pemasaran dan pengkomersilan di RI/ IPT;

vi) penggubalan satu dasar pengkomersilan harta intelek yang memberi galakan kepada penyelidik untuk mengkomersilkan produk mereka;

vii) penubuhan Yayasan Inovasi Malaysia yang menjadi payung kepada rekacipta dan inovasi komuniti dan akar umbi serta membantu kumpulan ini mengkomersilkan produknya;

viii) pembentukan satu Jaringan Pengkomersilan Teknologi yang mampu berfungsi sebagai *'one stop centre'* atau platform;

ix) proses kelulusan paten akan dipermudahkan; dan

x) memperkukuhkan struktur sokongan dan institusi dengan pengstrukturan semula MOSTI pada tahun 2007, di mana sebanyak lima kluster telah ditubuhkan iaitu kluster ICT, Biotek, Industri, *Sea-to-Space* (S2S) dan Perkhidmatan Sains & teknologi.

SOALAN NO: 72

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN JOHN A/L FERNANDEZ [SEREMBAN]

TARIKH : 10 MAC 2009

RUJUKAN : 1566

SOALAN:

Tuan John A/L Fernandez [Seremban] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah manfaat / kemudahan yang diberikan oleh Kerajaan kepada mereka yang mempunyai taraf Penduduk Tetap di Malaysia berbanding dengan warganegara asing (tanpa taraf penduduk tetap).

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua

Terima kasih saya ucapkan kepada **Tuan John A/L Fernandez** (Seremban) di atas pertanyaan tersebut.

Penduduk Tetap atau istilah lainnya Pemastautin Tetap ditafsirkan sebagai warganegara asing yang telah dianugerahkan oleh Kerajaan kebenaran untuk tinggal menetap dalam negara tanpa had masa. Perlu diingat bahawa pemegang taraf Pemastautin Tetap Malaysia masih mengekalkan status kewarganegaraan yang asal. Oleh yang demikian, Pemastautin Tetap masih menggunakan pasport negara asalnya bagi urusan perjalanan ke luar negara.

Dari sudut imigresen, antara manfaat / kemudahan yang dinikmati oleh golongan Pemastautin Tetap Malaysia adalah mereka tidak perlu sebarang visa untuk masuk ke dalam negara dan pada masa yang sama juga tidak perlu dikeluarkan sebarang pas bagi membolehkan Pemastautin Tetap berada dalam negara. Dalam erti kata yang lain Pemastautin Tetap boleh tinggal menetap, bekerja, belajar dan berniaga dalam negara tanpa had masa.

Keadaan ini berbeza dengan warganegara asing yang bukan bertaraf Pemastautin Tetap. Bagi golongan ini mereka perlu memiliki visa untuk masuk ke negara ini (kecuali bagi negara-negara yang dikecualikan visa). Selain daripada itu, untuk berada dalam negara

mereka perlu memiliki pas yang bersesuaian dan pas tersebut mempunyai tempoh sah laku yang tertentu.